

**Jilid I
Bil. 29**



**Hari Isnin
16hb Julai, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2849]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 2881]

Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) [Ruangan 2884]

**Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) [Ruangan
2891]**

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pendatang-pendatang Haram Vietnam [Ruangan 2928]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang Di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S. J.M.N. (Dilantik)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N, P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

- ” PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- ” DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- ” DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak)
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- ” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- ” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- ” DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- ” TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- ” TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- ” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- ” DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- ” TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- ” PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).

- ” TAN SRI DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K., (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N., (Kedah).
- ” DATUK DR. WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N., (Sabah).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 16hb Julai, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANPETRONAS—KAJIAN MENCARIGALI
MINYAK DI SELAT MELAKA

1. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada PETRONAS bercadang untuk mengadakan kajian yang lengkap terhadap mencarigali minyak di Selat Melaka.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencarigalian minyak di kawasan Selat Melaka telah dibuat oleh Mobil Exploration Company di antara tahun 1971 hingga tahun 1975 sebelum kawasan itu diserahkan kepada PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, data yang diperolehi dari kajian ini disimpan oleh PETRONAS sendiri. Data-data ini menunjukkan harapan untuk mendapat minyak di kawasan Selat Melaka tidak begitu menggalakkan. Oleh kerana terdapat lebih banyak kawasan-kawasan yang mempunyai lebih potensi dalam negara yang memerlukan perhatian. PETRONAS tidak bertujuan untuk menjalankan kajian pencarigalian di Selat Melaka dalam jangka sekarang ini.

PETRONAS—PERLANTIKAN
SYARIKAT BUMIPUTRA MENJADI
PEMBORONG

2. **Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada syarikat-syarikat bumiputra akan dilantik oleh

PETRONAS untuk menjadi wakil untuk menjalankan perniagaan stesyen-stesyen petrol dan diesel.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai sama ada PETRONAS patut melantik pemborong untuk mengedar bahan-bahan petroleum adalah sedang dikaji. Sepertimana Ahli Yang Berhormat maklum, PETRONAS baru sahaja memasuki pasaran dan sekarang sedang menjual diesel dan minyak tanah (kerosene) sahaja. Jika dalam masa akan datang difikirkan perlu bagi pemborong untuk dilantik maka syarikat bumiputra akan dipertimbangkan untuk menjadi pemborong.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang supaya kita akan mengadakan tiap-tiap negeri stesyen minyak dianjurkan oleh PETRONAS khasnya berhubung dengan minyak diesel dan minyak tanah.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perlu memandangkan kepada perkembangan ekonomi, kita akan adakan.

UNDANG-UNDANG MEWAJIBKAN
POTONGAN JUALAN PADI

3. **Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan satu undang-undang mewajibkan potongan \$1 bagi harga jualan tiap-tiap sepikul padi dan wang ini dimasukkan ke dalam satu kumpulanwang bagi tujuan mengatasi masalah penanam-penanam padi.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk mengadakan satu undang-undang seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kalau buat masa ini tidak ada, adakah Kerajaan bercadang buat masa akan datang akan mengadakan undang-undang ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Itu kena tengok kepada keadaan dan suasana.

PEGAWAI KERAJAAN—KERJASAMA DENGAN WAKIL RAKYAT

4. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah keengangan pegawai-pegawai Kerajaan bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat semasa mereka dalam urusan menolong rakyat.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati enggan dan tidak mahu bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat yang melibatkan kelalaian dalam menjalankan urusan rasmi mereka akan diambil tindakan tata-tertib sewajarnya terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pegawai-pegawai Kerajaan adalah sentiasa diingatkan sama ada melalui seminar-seminar, rancangan-rancangan latihan, majlis-majlis taklimat dan sebagainya supaya sentiasa bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita semua sedia maklum iaitu Kerajaan kita ialah oleh rakyat untuk rakyat dan bagi rakyat mengikut secara demokrasi Parlimen. Oleh yang demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, rakyat boleh buat sesuatu permintaan dengan paksa, rakyat boleh minta perkhidmatan daripada seorang Wakil Rakyat dan juga termasuk Senator. Saya ingin tahu bolehkah seorang Wakil Rakyat memaksa seorang pegawai Kerajaan menjalankan satu-satu permintaan yang dialami oleh seorang rakyat; rakyat minta perkhidmatan daripada MPs, bolehkah seorang MP minta perkhidmatan daripada pegawai Kerajaan?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut aturan dan undang-undang yang ada dalam negara kita yang sedang berjalan, menurut sistem demokrasi Pegawai Kerajaan adalah anggota Executive yang menjalankan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan atau Dewan Undangan. Saya rasa sekiranya dipandang dari segi peraturan dan undang-undang yang ada berjalan dalam negara kita ini, Wakil Rakyat tidak boleh hendak memaksa pegawai Kerajaan kerana tidak ada function, tidak ada kuasanya hanya boleh bekerjasama, berunding (consultation) dan sebagainya dengan pegawai Kerajaan, tetapi Menteri boleh memaksa pegawai Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana amalan yang kita sedia maklum bahawa Wakil Rakyat dalam negeri kita ini ada dua bahagian. Satu Wakil Rakyat daripada parti Kerajaan, satu Wakil Rakyat daripada parti Pembangkang. Sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan tidak hendak memberikan kerjasama kepada Wakil Rakyat daripada Parti Pembangkang, adakah ini juga Kerajaan hendak mengambil tindakan kepada mereka, walhal usaha yang dijalankan oleh Wakil Rakyat Pembangkang itu memang banyak bercanggah dengan Kerajaan atau sebaliknya pula pegawai-pegawai Kerajaan itu mahu bekerjasama dengan Wakil-wakil Rakyat daripada parti Pembangkang. Bagaimana sikap Kerajaan dalam masalah ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tidak harus pegawai Kerajaan mengikut atau mendengar nasihat daripada Wakil Rakyat daripada parti Pembangkang kerana mungkin barangkali apa yang diperintah atau yang disuruh oleh parti Pembangkang itu bercanggah dengan dasar Kerajaan. Sekiranya mereka mahu bekerjasama atas dasar atau sesuai dengan dasar Kerajaan boleh pegawai-pegawai Kerajaan bekerjasama dengan mereka.

“COMPOUND” KESALAHAN LALULINTAS

5. Tuan Chua Ching Cheng (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada seorang pemandu yang dikenakan “compound” kerana kesalahan lalulintas di tempat lain daripada

tempat tinggalnya boleh membuat bayaran-nya di tempat tinggalnya; jika tidak, nyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan peraturan yang membolehkan orang ramai menyelesaikan bayaran itu di tempat kediaman mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sistem yang dijalankan sekarang seseorang yang dikenakan saman kerana kesalahan lalulintas tidaklah boleh membayar compound di tempat yang lain daripada tempat yang saman itu dikeluarkan. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjelaskan bayaran compound yang dikenakan melalui pos kepada Ketua Polis Daerah, Ketua Cawangan Trafik yang mengeluarkan saman tersebut dalam masa 7 hari dan tidaklah ada cadangan untuk mengubah peraturan yang ada sekarang ini memandangkan kepada beberapa implikasi yang akan timbul. Umpamanya, kesulitan untuk mengendalikannya pendaftar saman atau compound di tiap-tiap Daerah Polis atau Cawangan Trafik yang mengeluarkan saman itu dan juga kekeliruan akan timbul oleh kerana salah tidak hadir di Mahkamah Trafik tetapi beliau telah membayar compound di tempat yang lain dan polis itu hendak memberitahu kepada Ketua Polis Daerah, Ketua Cawangan Trafik yang mengeluarkan saman tersebut dalam masa yang singkat dan ketidakseimbangan kadar compound yang dikenakan oleh pegawai compound oleh kerana kesalahan itu berlaku di tempat yang mempunyai keadaan lalulintas yang berlainan tempat di mana compound itu dibayarkan dan bayaran compound ini akan menimbulkan kekeliruan dalam peraturan kira-kira kewangan oleh kerana ianya melibatkan wang. Itulah sebab-sebabnya peraturan ini tidak dapat diubah.

Dato' Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan sistem yang ada sekarang merugikan negara, merugikan Perbendaharaan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyak orang yang telah dikenakan compound ini tidak dapat dijelaskan hingga masa sekarang. Dengan keadaan berlapisnya perkara ini, tidakkah molek ditimbangan semula supaya dapat orang yang berkenaan

yang kena saman itu membayar di daerah itu menurut setengah-setengah sistem yang telah dijalankan oleh negeri-negeri yang maju.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat saya memberitahu angka-angka orang-orang yang di dapati salah kena compound. Ini berkehendakan notis dan perkara yang kedua itu seperti mana yang telah saya terangkan tadi bahawa peraturan yang berjalan sekarang ini adalah memuaskan.

PERPADUAN NEGARA

6. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan perpaduan negara akan menjadi satu kenyataan dalam masyarakat berbilang kaum dalam negara ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah menyedari tentang pentingnya perpaduan negara dan kerana itu perpaduan negara adalah menjadi matlamat negara ini. Bagi mencapai matlamat ini Kerajaan telah dan sedang menjalankan berbagai usaha melalui dasar sosio-ekonomi, pekerjaan dan pelajaran bagi menyatukan kaum-kaum di negara ini. Dasar Ekonomi Baru misalnya telah dilancarkan untuk membetulkan keadaan ketidakseimbangan antara kaum dan juga bagi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Dasar mengenai pekerjaan pula adalah bertujuan bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk semua di samping menjamin perimbangan gunatenaga.

Dasar pelajaran pula adalah bertujuan untuk membetulkan jurang perbezaan yang wujud di institusi-institusi pelajaran tinggi dan supaya perbezaan yang terdapat di kalangan kumpulan pengurusan dan iktisad dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali.

Di samping itu, usaha-usaha juga sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran bagi membarui isi sukatan pelajaran untuk mata pelajaran-mata pelajaran yang dianggap berkaitan dengan pembentukan semangat dan nilai-nilai perpaduan di kalangan murid-murid berbilang kaum di peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, penubuhan Lembaga Perpaduan Negara yang diberi tugas utama untuk memupuk dan

menguatkan perpaduan negara adalah bukti nyata tentang keazaman Kerajaan untuk mencapai perpaduan negara.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan akan berbuat apa sahaja bagi memupuk perpaduan dan persefahaman rakyat di negara ini tetapi usaha-usaha itu hendaklah juga disertai dan menjadi tanggungjawab setiap orang di negara ini. Di samping itu haruslah juga disedari bahawa jalan yang harus dilalui bagi mencapai matlamat perpaduan ini adalah sukar serta mengambil masa dan tidak dapat dicapai dengan sekelip mata sahaja.

BIASISWA/PINJAMAN MARA KEPADA BUKAN BUMIPUTRA

7. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada terdapat golongan bukan Bumiputra yang telah menerima bantuan dari MARA dan lain-lain perbadanan yang ditubuhkan khas untuk membantu Bumiputra; jika ada nyatakan bilangan serta jenis bantuan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dengan izin.

MARA ada mengeluarkan sebanyak 13 biasiswa dan 82 pinjaman pelajaran tinggi kepada bukan bumiputra.

CUKAI EKSAIS BAGI PENGANGKUTAN AWAM

8. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengecualikan cukai impot atau cukai eksais bagi kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan awam seperti bas, bas sekolah, bas kilang dan teksi supaya dapat menggalakkan tuan-tuan punya kenderaan yang berkenaan sentiasa sanggup mengganti kenderaan-kenderaan mereka bagi meninggikan mutu perkhidmatan perhubungan awam.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun mengambil berbagai langkah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Dalam Belanjawan 1979 yang lalu umpamanya, Kerajaan telahpun

menurunkan cukai jalan, mengurangkan duti eksais dan membatalkan cukai tempat duduk yang dikenakan atas bas-bas. Tujuan mengurangkan cukai ini ialah bagi menggalakkan pengusaha-pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam untuk memperbaharui bas-bas mereka yang telah buruk. Adalah terlalu awal untuk ditentukan sama ada langkah-langkah cukai ini telah berjaya menggalakkan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Perlulah juga diambil ingatan bahawa langkah-langkah cukai sahaja walaupun sehabis baik sekali yang dapat diberi, mungkin tidak dapat menjamin bahawa mutu perkhidmatan pengangkutan awam akan diperbaiki. Terdapat berbagai masalah dan kesulitan lain yang perlu diatasi bersama oleh pihak-pihak pengusaha, Kerajaan dan juga pengguna-pengguna pengangkutan awam sendiri.

PERMIT LORI "A" PERSEORANGAN

9. Tuan Haji Nordin bin Pesah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan cara-cara permit lori jenis "A" diluluskan kepada orang-orang perseorangan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan adalah dipertimbangkan dengan mengambilkira kemampuan pemohon untuk menjalankan perusahaan itu dari segi modal, pasaran, cara menguruskan perniagaan dan pengalaman jika ada.

PERMIT LORI—BILANGAN

10. Tuan Yap Peng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan permit lori yang telah dikeluarkan dalam tahun 1978 dan separuh tahun 1979.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan permit lori yang telah dikeluarkan pada tahun 1978 ialah sebanyak 2,331 buah iaitu 1,882 buah lori jenis permit 'C' dan 449 buah lori jenis permit 'A'. Pada pertengahan tahun 1979 pula iaitu hingga 30hb Jun, 1979, bilangan permit yang telah dikeluarkan ialah sebanyak 3,733 buah iaitu 2,757 buah bagi permit 'C' dan 976 buah lori permit 'A'.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam pengeluaran permit ini, adakah Kerajaan sedar bahawa lori permit 'C' tadi merampas atau mengganggu hak-hak pengangkutan lori-lori permit 'A' dengan sewaan. Dengan keadaan ini menyulitkan atau menyusahkan mereka yang mempunyai lori permit 'A', adakah Kementerian ini bercadang akan membuat satu kajian atau mengambil tindakan kepada lori-lori yang menyalahgunakan permit-permit, yang telah dikeluarkan kepada mereka?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, baharu-bahru ini saya membaca dalam suratkhbar berkenaan dengan permit 'A', permit 'B' yang dikeluarkan oleh Road Transport. Mengikut berita itu, permit yang dikeluarkan boleh dirampas. Tindakan ini berlawanan dengan Perlembagaan kita. Jika permit-permit ini dirampas daripada rakyat, ini adalah berlawanan dengan Perlembagaan kita.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ini ada syaratnya pada permit itu; kalau melanggar, itu boleh ditarik balik.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Berkenaan dengan pengeluaran permit-permit lori itu, adakah pihak Kementerian membuat peruntukan di dalam tiap-tiap Rancangan Malaysia. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, adakah ditetapkan permit-permit lori ini sekian banyak yang akan dikeluarkan, kemudian berdasarkan di atas ketetapan inilah maka permohonan-permohonan itu ditimbangkan ataupun tidak, maknanya pada masa yang akan datang akan ditimbangkan mengikut biasa sahaja. Jadi, saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian ini membuat peruntukan di dalam tiap-tiap Rancangan Malaysia untuk permit-permit lori, bas dan sebagainya dan adakah Kerajaan akan menambahkan lagi daripada peruntukan yang telah ditetapkan itu kalau ada.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis.

BANGUNAN RUMAH KEDAI

11. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengarahkan tuan-tuan punya rumah-rumah kedai yang didirikan sebelum tahun 1948 supaya merobohkan bangunan-bangunan lama itu supaya seimbang dengan bangunan-bangunan baru yang ada di tanahair kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya memaklumkan bahawa buat ketika ini Kementerian saya tidak bercadang hendak mengarahkan tuan-tuan punya rumah kedai yang didirikan sebelum tahun 1948 supaya merobohkan bangunan-bangunan lama kepunyaan mereka sebagai yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PENDATANG HARAM VIETNAM

12. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa beberapa orang pendatang haram telah merompak nelayan-nelayan kita baru-baru ini; jika benar, nyatakan tindakan yang diambil untuk mengelakkan perkara seperti ini daripada berlaku lagi.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, rompakan ke atas nelayan-nelayan kita baharu-baharu ini oleh pendatang haram Vietnam adalah masih dalam siasatan lagi. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sepertimana yang telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa kali yang telah lalu sedang mempertingkatkan lagi kawalan dan rondaan di perairan kita dan di samping itu nelayan-nelayan telahpun dinasihat supaya jangan menghampiri dan membantu bot-bot pendatang haram yang dijumpai di laut tetapi sebaliknya mereka hendaklah menghubungi peronda-peronda laut pasukan keselamatan atau melapurkan ke Balai-balai Polis yang berhampiran.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Ada atau tidak pendatang-pendatang haram ini membawa senjatapi—sambil lari daripada Vietnam membawa senjatapi dan inilah sebabnya mereka merompak, betulkah begitu atau tidak?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ada dipercayai demikian dalam rompakan yang telah berlaku sebagaimana yang telah dinyatakan juga setelah ditangkap didapati ada senjatapi ini tetapi tidaklah banyak sebagaimana yang telahpun difahamkan hanya satu senjatapi dan juga beberapa biji peluru didapati daripada pendatang haram yang ditangkap itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat telah mengatakan ada pendatang haram ini membawa senjatapi. Ini yang dapat ditangkap satu, yang tidak dapat ditangkap berapa banyak? Jadi saya hendak tahu adakah dapat Kementerian ini menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri kalau rakyat di dalam negeri ini dikenakan Akta itu kenapa penceroboh ini tidak boleh dikenakan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah dikenakan untuk tujuan-tujuan yang lain dan tidak perlu dikenakan Akta itu kepada pendatang-pendatang haram.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Setakat ini berapa kali rompakan yang dilakukan oleh pendatang haram. Saya amat hairan dan terkejut juga sudahlah mereka datang secara haram mengacau negeri ini, berani pula merompak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang perbuatan yang macam ini dibiarkan sahaja atau terus ditembak.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah nyatakan dalam persidangan yang telah lalu sebanyak tiga rompakan telah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram ini dan semua rompakan-rompakan yang berlaku itu ialah berlaku di tengah laut yang mana pendatang-pendatang haram itu cuba mendapatkan bot-bot daripada nelayan. Seperti saya telah terangkan tadi langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan lagi dan melengkapkan lagi rondaan-rondaan yang sedang dijalankan di laut oleh Pasukan Keselamatan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Berhubung dengan jawapan beliau tadi bahawa kes-kes rompakan oleh pendatang haram ini masih di dalam siasatan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menerangkan berapa jumlah rakyat kita yang telah dirompak dan apakah senjata yang telah digunakan dalam rompakan itu.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis.

LESEN TEKSI KEPADA PEMANDU

13. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilakah dasar mengeluarkan lesen-lesen teksi kepada pemandu-pemandu teksi akan dimulakan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini ialah, dasar sudahpun dijalankan sekarang.

BEKALAN AIR KE SUNGAI PENCHALA

14. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah Kerajaan akan membekalkan infrastruktur terutamanya bekalan air yang lebih baik kepada penduduk di Kampong Pelembayan, Sungai Penchala, Bukit Lanjan, Kampong Segambut dan Taman Segambut serta sekitarnya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan. Sukacita saya memaklumkan bahawa Dewan Bandaraya dengan kerjasama Jabatan Kerja Air, Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sedang berusaha melaksanakan sekim bekalan air ke kawasan Sungai Penchala dan sekitarnya. Sekim ini adalah dijangka dapat disiapkan pada akhir 1980. Jabatan Kerja Air sedang berusaha untuk membekalkan air ke kawasan-kawasan Segambut yang mempunyai laluan yang sah sahaja dahulu. Adalah dijangka bekalan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1980.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Berhubung dengan jalan di kawasan itu bagaimana pula? Kawasan itu separuhnyanya belum ada lagi jalan masuk lebih

kurang setengah batu. Di samping itu orang hendak menggunakan jalan di kawasan itu dikenakan \$150 sebulan. Bagaimana mengatasi masalah itu untuk penduduk-penduduk yang menggunakan kawasan jalan tanah yang dipunyai oleh orang lain.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham dan tidak tahu dengan jelas apakah keadaan yang berlaku di kawasan itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mahu tahu dengan jelas, minta beri notis.

GURU-GURU BAHASA INGGERIS

15. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pendapat umum mengenai taraf atau mutu Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah sekarang adalah semakin merosot. Jika sedar, sama ada beliau bersetuju melantik semula guru-guru Bahasa Inggeris dan Guru Besar-Guru Besar yang telah bersara yang masih berminat untuk mengajar Bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian menyedari kemerosotan dan kurang kemahiran murid-murid dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Kemerosotan ini bukanlah disebabkan guru-guru tidak cekap mengajar Bahasa Inggeris itu tetapi ialah disebabkan pelaksanaan dasar Kerajaan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah menyebabkan Bahasa Inggeris kurang digunakan dalam pengajaran, pembelajaran dan pertuturan di sekolah-sekolah.

Kementerian tidak bercadang untuk mengambil guru-guru yang telah bersara untuk mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Tetapi langkah yang wajar diambil oleh Kementerian ialah melatih semua dan melengkapkan guru-guru yang sedang berkhidmat sekarang ini dengan teknik mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana rakyat telah maklum Kementerian Pelajaran ini akan mengambil guru-guru bahasa Inggeris daripada United Kingdom. Bila guru-guru ini berkhidmat berapa lama dia berkhidmat. Adakah guru-guru tersebut dikhaskan kepada sekolah dalam bandar sahaja.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mengadakan satu program untuk mengadakan guru mengajar bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk jangka pendek untuk program ini. Lebih kurang 200 orang guru-guru bahasa Inggeris akan datang. Batch yang pertama ialah 50 orang pada akhir tahun ini dan juga kumpulan kedua 75 orang dan kumpulan ketiga 75 orang, jumlah 200 orang. Mereka akan berkhidmat atau ditempatkan di sekolah-sekolah menengah khasnya sekolah-sekolah di luar bandar yang didapati ada kelemahan-kelemahan dalam pengajaran bahasa Inggeris atau pembelajaran daripada murid-murid yang lemah dalam bahasa Inggeris mereka akan dihantar kepada sekolah-sekolah itu dan jikalau didapati di dalam bandar juga ada sekolah yang lemah sangat dalam bahasa Inggeris mereka akan dibahagikan juga tetapi keutamaan akan diberi kepada kawasan luar bandar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju atau tidak dengan saya iaitu bahasa Inggeris dengan guru Inggeris adalah lain. Jadi kalau hendak belajar Inggeris bukan guru orang putih sahaja boleh datang ke sini mengajar. Orang-orang kita, orang-orang Malaysia juga boleh mengajar bahasa Inggeris dan banyak orang Malaysia boleh mengajar bahasa Inggeris. Saya hendak bertanya apa sebab orang Inggeris ini hendak dijadikan guru datang kemari, berkehendakkan mereka ini bercakap "yes, all right" yang bahasa Inggerisnya cara Oxford Inggeris atau London Inggeris atau kerana dikatakan orang-orang kita semua ini belum mengerti bahasa Inggeris.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya separuh sahaja bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya tidak dapat dinafikan sesiapa pun boleh mengajar bahasa Inggeris kalau ada pengalaman dan sebagainya. Tetapi seperti saya katakan tadi untuk jangka pendek oleh kerana barangkali ada didapati mutu bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah kitapun merosot kepada satu peringkat dan kalau kita dapat guru-guru ini untuk sementara waktu memberi pengajaran dengan kaedah baharu dan juga kaedah modern dalam bahasa (language) ini, barangkali ini akan dapat memberikan kita lebih inspirasi dan juga menggalakkan kita. Ini cuma buat sementara

waktu dan dalam universiti kita sekarang ada program memberi kursus kepada guru-guru untuk menjadi specialist mengajar bahasa Inggeris dan bila satu masa mereka dapati bilangan yang cukup, guru-guru ini semua akan balik ke United Kingdom. Ini untuk sementara waktu sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan satu gambaran yang baik dan alasan yang menasabah berhubung dengan soalan-soalan tambahan daripada Yang Berhormat rakan saya. Saya cuma hendak memberi satu soalan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu gambaran bahawa guru-guru Inggeris sementara yang didatangkan ke Malaysia ini mana lebih banyak, guru wanita atau guru lelaki?

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya masih membuat interview. Saya pun tidak tahu lagi sama ada guru lelaki atau perempuan yang ramai, tetapi kita harap seimbang.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri berkenaan, adakah 200 orang guru ini dalam percubaan dan jika guru-guru ini hanya untuk percubaan sahaja, adakah Kerajaan kita sudah bersedia menyediakan guru-guru kita daripada sini untuk mengambil alih dan selama mana pula mereka itu akan berada di sini dan jika rancangan Kerajaan bagi menyediakan guru-guru yang berlatih belum lagi sampai masanya, adakah usaha Kerajaan untuk mengambil lebih daripada 200 orang ini daripada luar negeri?

Saya juga difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran ada menghantar anak-anak kita ke luar negeri khusus untuk mengambil mata pelajaran bahasa Inggeris. Adakah bahasa Inggeris daripada Great Britain itu sahaja yang boleh digunakan ataupun daripada negara-negara lain seperti Amerika, Australia. Saya ingin tahu sebab tadi Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan guru-guru yang sudah dilatih dalam bahasa Inggeris di sini pun masih tidak boleh mengajar. Saya ingin tahu daripada mana tambahan guru-guru itu yang Kementerian hendak ambil lagi?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini panjang sedikit tetapi saya akan cuba menjawabnya.

Yang pertama guru-guru ini ialah untuk sementara waktu untuk memenuhi cita-cita kita dan mereka yang seramai 200 orang ini cuma dapat berkhidmat selama 3 tahun. Kalau masa 3 tahun itu sudah cukup, jikalau kita masih kekurangan lagi, barangkali kita akan memanjangkan employment mereka dan mereka ini bukanlah datang ke sini percuma. Saya ingin, kalau tidak dapat percuma, susah sedikit, sebab kita kena bayar. Mereka datang ke sini dengan mengadakan kontrak dengan kita dan masa sekarang kita masih berunding dalam peringkat yang akhir dengan kontrak dan juga lain-lain dari semasa ke semasa. Jadi ini saya berharap dapat kejayaan.

Soal sama ada selepas 200 orang guru ini kita akan mengambil lebih atau tidak, macam saya katakan tadi kita tengok keadaan sampai masa itu iaitu tahun hadapan ini. Dan kita pun ada program menghantar anak-anak kita atau penuntut-penuntut kita ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka supaya mereka akan menjadi guru bahasa atau memperbaiki pelajaran bahasa Inggeris di United Kingdom dan juga barangkali kita akan hantar ke Amerika Syarikat. Jadi soal ini kita cuma hantar penuntut-penuntut ke United Kingdom atau kita cuma mempelajari bahasa Inggeris daripada United Kingdom dan juga negara lain, barangkali ini untuk sementara waktu sahaja tetapi Ahli Yang Berhormat faham, kita masih katakan, kalau kita mahu belajar bahasa Inggeris, lebih baik kita belajar Queen's English, kerana bahasa itu datang dari United Kingdom yang mana Mother of Parliaments dari Great Britain juga. Barangkali kita mengikuti Inggeris dari United Kingdom barulah betul sedikit. Barangkali kalau kita ikut peredaran masa bahasa Inggeris dari negeri lain yang boleh dikatakan lebih baik jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris dari United Kingdom, barangkali kita akan berikan tafsiran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya izinkan satu soalan sahaja lagi.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, 200 orang guru yang dipinjamkan bagi mengajar bahasa Inggeris ini berapakah gaji yang diberi kepada seorang itu. Yang kedua bolehkah Yang Berhormat Menteri bercadang bagi meninggikan mutu bahasa Inggeris yang akan datang, kita juga memaklumkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang bahasa Inggerisnya tinggi dan keluaran universiti kita beri

gaji yang serupa dengan guru yang dipanggil datang seramai 200 orang itu dan menggalakkan mereka bersungguh-sungguh meninggikan taraf bahasa Inggeris negeri kita sendiri.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gaji guru Inggeris ini, saya minta notis, oleh kerana ini masih dalam rundingan. Jadi jaminan untuk membayar guru kita di sini untuk mengajar bahasa Inggeris, serupa dengan yang dibayar kepada mereka, barangkali cadangan ini baik tetapi kalau dibandingkan dengan perkhidmatan yang dalam negeri sekarang ini barangkali ini kena dibincangkan dengan lebih dalam lagi.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, sudah berapa kali saya bangun tidak dapat peluang. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun tahu dalam Malaysia ini ada beribu-ribu guru yang telah bersara. Mereka mengajar bahasa Inggeris dahulu dan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, pandang kepada sayalah! (Ketawa)

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Ada orang Melayu, ada orang India, ada orang China, Apa fasal tidak mahu ambil mereka? Kalau datang daripada England diberi gaji yang tinggi lebih kurang \$3,000 - \$4,000; lagi baik diberi kepada guru-guru kita yang telah bersara di sini umpamanya \$1,000. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang atau siasat atas perkara ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang pegawai Kerajaan sudah bersara tentulah hak mereka berlainan. Jikalau kita ambil balik guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara, barangkali ini akan menimbulkan bermacam-macam masalah mengenai perkhidmatan awam kita.

Guru-guru yang telah bersara pengalaman mereka ini tidak dapat dinafikan, tetapi dari segi kaedah mengajar, dari segi dedahan kepada bahasa moden dan sebagainya barangkali mereka kurang sedikit. Kita pun tidak lupa iaitu untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua di dalam negara kita ini, kita mesti ada satu kaedah yang baharu dibandingkan apa yang diajar masa dahulu sebelum kita merdeka dan lepas

merdeka sebelum kita melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Tetapi kita tidak melupakan iaitu kedudukan bahasa Inggeris ialah sebagai bahasa yang kedua di dalam negara kita ini dan kita cuma meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

MISSI TETAP/EJENSI PERDAGANGAN MALAYSIA DI NEW YORK

16. Tuan Chua Ching Cheng (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membeli sebuah bangunan di New York sebagai pejabat Missi Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu dan Agensi Perdagangan Malaysia; jika ya, nyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam urusan pembelian itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah bertujuan untuk membeli sekeping tanah di kawasan Park Avenue, New York, iaitu satu kawasan pusat perniagaan dan perlaburan modal bagi membina sebuah bangunan 15 tingkat untuk kegunaan Utusan Perdagangan Malaysia dan agensi-agensi ekonomi Kerajaan yang lain. Perkara ini telahpun dimajukan kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Untuk keperluan Wisma Putra pula, Kerajaan bercadang untuk membeli sebuah bangunan yang sesuai di kawasan Ibu Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu bagi kegunaan Perutusan Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu. Ini disebabkan bahawa Perutusan Tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai tugas-tugas yang berlainan daripada ajensi-agensi di atas tadi.

Perutusan Tetap kita ke Bangsa-bangsa Bersatu juga berkehendakkan pusat kerja yang berhampiran dengan Ibu Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu, dan kawasan Park Avenue adalah jauh daripada Ibu Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini hanya terbatas membeli tanah ini di New York (Amerika) sahaja? Tidakkah boleh Kementerian ini meluaskan membeli tanah yang seumpama ini di Eropah dan di negeri Jepun dengan tujuan berhubung dengan negara kita?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun membeli sama ada bangunan lama ataupun tapak untuk mendirikan bangunan baharu sama ada untuk kegunaan pejabat kedutaan kita ataupun kediaman kedutaan kita di beberapa tempat. Pembelian di New York ini merupakan salah satu usaha tambahan kepada usaha yang sedang dijalankan sekarang.

KONTREK PEMBINAAN BAGI PEMBORONG

17. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan pemborong-pemborong asing masuk ke Malaysia untuk membuat kerja dalam rancangan-rancangan Kerajaan dan swasta sama ada Kerajaan ada rancangan untuk membantu pemborong tempatan dengan mengadakan syarat-syarat yang tertentu supaya syarikat pemborong asing berkongsi dengan pemborong tempatan terutama pemborong Bumiputra bagi satu-satu projek itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu untuk melibatkan pemborong-pemborong tempatan, khususnya pemborong bumiputra di dalam kontrak-kontrak pembinaan yang ditenderkan pada peringkat antarabangsa. Pemborong-pemborong antarabangsa yang berjaya mendapat kontrak-kontrak ini telah disyaratkan supaya memberikan kerja-kerja sabkontrak kepada pemborong-pemborong tempatan dan sekurang-kurangnya 30% dari nilai kerja tersebut hendaklah diberi kepada pemborong bumiputra.

Langkah seperti ini telah diambil bagi semua kerja-kerja pembinaan jalan-jalan luar bandar di bawah "Accelerated Rural Roads Programme". Kerajaan sedang menimbang pengluasan peraturan ini kepada projek-projek yang lain yang melibatkan kontraktor-kontraktor antarabangsa.

Walau bagaimanapun, peraturan ini tidak dapat dibuat bagi projek-projek yang dibiayai oleh institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia, Bank Dunia serta projek-projek yang dibiayai oleh pinjaman-pinjaman yang terikat dan yang mudah syaratnya.

PANGGILAN TELEFON KUALA LUMPUR-SABAH

18. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (di bawah S.O.23(2)) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kerap kali panggilan telefon dari Kuala Lumpur ke Sabah mengambil masa yang sangat lama; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas kelambatan panggilan-panggilan telefon dari Kuala Lumpur ke Sabah yang berlaku terutamanya semasa waktu-waktu kesibukan. Kelambatan panggilan-panggilan ini adalah disebabkan oleh kekurangan litar-litar telefon di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah. Memandangkan keperluan untuk menambah litar-litar antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak, Jabatan Telekom telah pun memulakan rancangan untuk mengadakan Kebel Dasar Laut bagi menyambungkan Kuantan dengan Kuching. Projek ini sekarang sedang dilaksanakan dan apabila siap dalam awal tahun 1980 akan dapat membekal tambahan sebanyak 1200 litar-litar antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak/Sabah. Panggilan-panggilan telefon ke Sabah akan melalui Kebel Dasar Laut ini ke Kuching dan dari sana melalui Hubungan-hubungan Radio Gelombang Mikero ke Kota Kinabalu.

JALAN LAPANGAN TERBANG KE JALAN BESAR IPOH

19. Tuan S. I. Rajah meminta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada jalan Lapangan terbang ke Jalan Besar di Ipoh itu akan diperbesarkan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa jalan Lapangan terbang ke Jalan besar di Ipoh adalah terletak di bawah kuasa Majlis Perbandaran. Menurut pihak Majlis Perbandaran Ipoh, buat masa ini tidak ada rancangan untuk melebarkan jalan tersebut.

PENUNTUT BRUNEI KE PUSAT PENGAJIAN TINGGI

20. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat penuntut-penuntut dari Brunei yang sedang belajar di Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara kita; jika ya, nyatakan bilangannya, jika tidak, sama ada Kerajaan akan membenarkan mereka belajar di sini kelak.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak terdapat pelajar dari Brunei yang belajar di Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara kita. Kerajaan tidak pernah menghalang pelajar-pelajar asing (termasuk Brunei) memohon masuk ke institusi pelajaran tinggi di Malaysia dengan syarat mereka dapat memenuhi syarat-syarat kemasukan seperti yang telah ditetapkan oleh institusi-institusi tersebut. Walau bagaimanapun oleh kerana bilangan tempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia adalah terhad maka keutamaan adalah diberi kepada warganegara Malaysia.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Brunei akan merdeka pada tahun 1983 dan pada masa ini Brunei tidak ada pusat pengajian tinggi ataupun universiti aliran kebangsaan. Bolehkah Kerajaan menimbang dengan sebab-sebab negara itu akan merdeka, bagi membanyakkan cerdik pandai dalam negara itu, tambahan pula mereka tidak mempunyai universiti berbahasa kebangsaan, satu sumbangan kepada sebuah negara di rantau Asia ini dengan mempelawa penuntut-penuntutnya terutama penuntut aliran Melayu belajar di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita sebagai satu sumbangan daripada negara kita.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya terangkan tadi iaitu jikalau mereka ada memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan juga barangkali kes atau permintaan ini yang istimewa dengan sumbangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin satu pertimbangan khas akan dapat dipertimbangkan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Oleh sebab pada tahun 1960an negara kita telah melindungi pelajaran atau pemberontakan Brunei, jadi Kerajaan Brunei

telah menarik penuntut-penuntut itu sendiri kerana takut diresapi oleh anasir-anasir pemberontakan itu. Jadi kalau sekiranya dia hendak minta tentu dia segan, apa salahnya kita beritahu, sebab kita tahu hati budinya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya akan timbangkan hal itu (*Tepuk*).

INSTITIUT TEKNOLOGI MARA— TENAGA PENGAJAR

21. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan peranan Institiut Teknologi MARA (ITM) dalam bidang pengajian tinggi, bidang ikhtisas dan separa ikhtisas sekarang; dan sama ada benar bahawa amat sulit bagi Institusi ini mendapat tenaga pengajar jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, adapun peranan yang dimainkan oleh Institut Teknologi MARA (ITM) ialah mempergiatkan aktiviti-aktiviti pendidikan dan latihan untuk mencapai matlamat bagi melaksanakan satu program latihan dan pendidikan yang lengkap dan bersesuaian dalam bidang perniagaan, ikhtisas, sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar bumiputra yang berkelayakan. Objektif utamanya adalah untuk mempertinggi, memperansang dan membolehkan mereka mengendalikan pembangunan ekonomi dan sosial bumiputra, khususnya penglibatan mereka di sektor perniagaan dan perindustrian dengan lebih banyak dan berkesan.

Buat masa ini Institut Teknologi MARA masih lagi menghadapi kekurangan tenaga pengajar, terutamanya di bidang sains dan teknologi. Namun begitu kekurangan ini hanyalah merupakan kekurangan jangka pendek yang akan diatasi dari semasa ke semasa. Oleh itu, ianya tidaklah memberikan kesan yang serious yang boleh mengganggu dalam mengendalikan program akademik institut itu.

Institut Teknologi MARA telah dan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar dengan:

- (i) mengadakan Rancangan Tenaga Pengajar Muda iaitu dengan mengambil dan melatih para lulusan/graduan daripada

institut-institut pengajian tinggi di negara ini untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

- (ii) mengambil kakitangan asing (expatriate) secara kontrek tahunan sebagai langkah sementara.

JUALAN TIKET DI PAWAGAM-PAWAGAM

22. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang memperkemaskan sistem penjualan tiket di pawagam-pawagam untuk mengelakkan penjualan tiket pendahuluan secara banyak kepada sindiket yang bergerak dengan pengetahuan tuan punya pawagam dan tiket-tiket itu kemudian akan dijual dengan harga tiga atau empat kali ganda harga biasa kepada orang ramai.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat lesen kepada pawagam-pawagam untuk menjalankan perniagaan di bandar-bandar besar maupun di pekan-pekan kecil adalah tertakluk kepada undang-undang bagi menjalankan perniagaan itu. Kementerian saya sedar bahawa sindiket-sindiket pernah membeli dan menjual tiket-tiket dengan harga yang mahal khususnya di pawagam-pawagam di bandar-bandar besar. Tindakan telah diambil dari masa ke semasa oleh pihak Polis untuk mengelakkan sindiket-sindiket itu menjual tiket pendahuluan dengan harga yang mahal. Kementerian saya pada masa akan datang akan mengkaji sistem penjualan tiket untuk mengemaskan sistem itu supaya sindiket-sindiket tidak diberi peluang untuk membeli tiket-tiket secara pendahuluan dan selepas itu menjual tiket-tiket itu kepada orang ramai dengan harga yang mahal. Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan di sini bahawa tindakan seperti ini akan mendapat kejayaan hanya dengan kerjasama orang ramai dan pihak pengurusan pawagam-pawagam yang berkecuali.

SEKOLAH PUSAT BAGI SEKOLAH TAMIL

23. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan Kementerian terhadap menyatukan sekolah-sekolah Tamil, yang kecil tanpa kemudahan-kemudahan asas dan bangunan-bangunan yang sempurna dan berapa banyak peruntukan yang diuntukkan untuk membaiki bangunan-bangunan Sekolah Tamil di seluruh negara.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk menyatukan sekolah-sekolah Tamil yang kecil dan tanpa kemudahan-kemudahan asas. Dengan penyatuan ini kemudahan-kemudahan asas yang lebih sempurna akan dapat disediakan kepada sekolah "Pusat" tersebut.
- (b) Peruntukan untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah diberi kepada Pengarah Pelajaran Negeri secara "Blok allocation" Peruntukan ini biasanya digunakan mengikut keutamaan sekolah dan Kementerian tidak membezakan antara Sekolah Tamil, Sekolah China atau Sekolah Kebangsaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN S.P.M./M.C.E.

24. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kebocoran kertas-kertas peperiksaan SPM/MCE seperti yang telah berlaku pada tahun lalu.

Dato' Chan Siang Sun: Terlebih dahulu ingin saya menegaskan di sini bahawa tidak ada sebarang kebocoran kertas-kertas peperiksaan SPM/MCE yang berlaku pada tahun lalu.

Langkah-langkah keselamatan yang ketat seperti yang ada sekarang akan diteruskan, bahkan akan diperbaiki lagi di mana didapati perlu. Langkah-langkah ini termasuklah tapisan halus atau "Positive vetting" ke atas pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan peperiksaan dan kawalan keselamatan yang rapi dengan kerjasama pihak polis terhadap pengangkutan dan penyimpanan kertas-kertas soalan.

JET TEBUAN

25 Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada jet-jet Tebuan Tentera Udara Diraja Malaysia yang masih ada lagi itu sudah diperiksa dengan teliti; jika ya, nyatakan sama ada jet-jet itu akan terus digunakan.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Baki sejumlah 14 buah Jet Tebuan yang kita ada sudahpun diperiksa dengan teliti dan jet-jet ini adalah disahkan selamat untuk terbang. Jet-jet ini akan terus di gunakan oleh TUDM untuk tujuan-tujuan latihan dan gerakan.

DOKTOR PAKAR YANG BERHENTI

26. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Doktor Pakar di negara ini yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Bilangan Doktor Pakar yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dari tahun 1978 hingga bulan Jun tahun ini ialah seramai 41 orang. Beberapa langkah positif telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah:

- (i) Kementerian ini sentiasa menggalakkan doktor-doktor mudanya supaya melanjutkan pelajaran mereka untuk mendapat kemahiran dalam bidang kepakaran tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan. Doktor-doktor muda yang layak dan sesuai adalah diberi peluang untuk mengikuti kursus kepakaran mengikut pilihan mereka.
- (ii) Tindakan juga diambil oleh Kementerian ini dari semasa ke semasa untuk membaiki peluang bagi pakar-pakar

untuk kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi berasaskan kepada adanya kekosongan jawatan.

- (iii) Sebagai galakan kepada doktor-doktor pakar Kerajaan juga membayar elaun kepakaran kepada mereka berdasarkan kepada kedudukan jawatan dari pangkat yang disandang.
- (iv) Sebagai langkah sementara Kementerian ini telah juga menguruskan peralantikan semula bagi Doktor-doktor Pakar yang telah bersara untuk dilantik kejawatan kontrek. Kementerian ini juga mengambil doktor-doktor pakar dari negara-negara jiran untuk mengatasi masalah tersebut.

AKTIVITI BELIA

27. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan aktiviti-aktiviti belia yang dijalankan melibatkan hanya penuntut-penuntut sekolah dan bukan belia-belie yang telah meninggalkan sekolah. Jika sedar adakah beliau apa-apa rancangan untuk belia-belie yang tidak bersekolah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kebanyakan aktiviti-aktiviti belia yang tersedia seperti dalam bidang ekonomi, sosial, dan Kebudayaan adalah disertai oleh belia-belie yang terkeluar dari sekolah. Dalam pada itu ada juga penuntut-penuntut sekolah yang turut menyertai aktiviti-aktiviti seperti dalam bidang sosial dan Kebudayaan.

LEBEL TARIKH PADA BOTOL MINUMAN

28. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada masanya sudah sampai untuk memaksa Pembuat-pembuat minuman dalam botol supaya meletakkan lebel pada botol-botol minuman mereka yang menunjukkan tarikh minuman itu dibuat sebagai panduan kepada Pembeli-pembeli.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Buat masa ini pembuat-pembuat minuman tidak dikehendaki meletakkan lebel tarikh pembuatan ke atas botol-botol minuman keluaran

mereka tetapi Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan yang minuman-minuman tersebut tidak membahayakan kesihatan.

PENIAGA-PENIAGA DI BANDAR KUALA LUMPUR

29. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan peniaga yang terdapat di Bandar Kuala Lumpur mengikut kaum berasaskan kepada pembayaran cukai pintu yang dibuat kepada Dewan Bandaraya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Bilangan peniaga yang terdapat di bandar Kuala Lumpur dari pemberian lesen adalah seperti berikut:

(i) *Lesen Perniagaan*

	<i>Bilangan</i>	<i>Peratus</i>
Bumiputra ...	948	8.29
China ...	9,133	79.84
India ...	1,083	9.47
Lain-lain ...	275	2.40
Jumlah ...	11,439	100%

Angka tersebut menunjukkan lesen-lesen perniagaan tahunan yang telah dikeluarkan sehingga 31hb Disember, 1978.

(ii) *Lesen-lesen Peniaga Kecil dan Penjaja*

	<i>Bilangan</i>	<i>Peratus</i>
Bumiputra ...	1,998	15.3
China ...	9,970	76.5
India ...	1,060	8.2
Jumlah ...	13,028	100%

Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menambahkan bilangan peniaga-peniaga Bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

JALANRAYA KAMPUNG BATU KE KEPONG—HARGA

30. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan harga membina jalanraya dari Batu Village ke Batu 8 Kepong, nama kontraktor untuk kerja ini dan bila projek ini akan siap.

Dato' Lee San Choon: Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob, adalah dimaklumkan bahawa harga membina jalanraya dari Kampung Batu ke Batu 8 Kepong ialah \$3,633,360. Pemborong bagi projek ini ialah Apollo Construction Sdn. Bhd. dan kerja pembinaan dijangka siap pada bulan Ogos, 1980.

KUIL HINDU—PERBUATAN MEROSAK PATUNG

31. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menguatkuasakan I.S.A. terhadap mereka yang merosakkan patung-patung di kuil-kuil Hindu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini pada 9hb Julai, 1979 semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PELAJAR INSTITIUT TEKNOLOGI MARA/MAKTAB RENDAH SAINS MARA

32. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah cawangan-cawangan kampus serta jumlah pelajar Institut Teknologi MARA sekarang dan bilangan Maktab Rendah Sains Mara yang telah didirikan.

Dato' Chan Siang Sun: Sehingga akhir bulan Mei, 1979 terdapat sejumlah 7,079 orang pelajar Institut Teknologi MARA, yang menuntut di Shah Alam dan 4 cawangannya. Pembahagian pelajarinya adalah seperti berikut:

Shah Alam ...	5,936
Perlis ...	382
Sabah ...	306
Trengganu ...	313
Sarawak ...	160
Jumlah ...	7,079

Buat masa ini terdapat lima buah Maktab Rendah Sains Mara yang telah didirikan di tempat-tempat berikut:

- (i) Seremban, Negeri Sembilan.
- (ii) Kuantan, Pahang.
- (iii) Kota Bharu, Kelantan.
- (iv) Kuala Trengganu, Trengganu.
- (v) Kulim, Kedah.

KOMPLEKS PASUKAN POLIS HUTAN DI BENTA—PEMBINAAN PROJEK

33. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa persiapan rancangan Kompleks Pasukan Polis Hutan di Batu 13, Benta itu tergendala, bila ianya dijangka siap dan anggaran perbelanjaan untuk menyiapkan projek tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Projek Kompleks Pasukan Polis Hutan di Benta, Kuala Lipis ini ialah suatu projek Polis Di Raja dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang kalau mengikut jadual pelaksanaan sepatutnya siap selewat-lewatnya pada akhir tahun 1980. Tetapi oleh kerana kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan yang dipilih, seperti bekalan air dan elektrik tidak mencukupi untuk menampung keperluan yang dianggar digunakan oleh keseluruhan kompleks itu kelak maka peningkatan keupayaan bekalan air dan elektrik semestilah terlebih dahulu diselesaikan. Dalam pada itu dan berasaskan kepada keupayaannya Jabatan Kerja Raya telah dapat menyediakan Master Site Plan Kompleks tersebut pada bulan November 1977 iaitu setelah kerja-kerja Detailed Contour Plan, selesai diuruskan oleh Jurukur Perunding. Tender Terhad untuk kerja-kerja sub-soil investigation telah dikeluarkan pada 15hb Mei, 1978 dan setelah pemilihan konterektor yang berjaya telah memulakan kerja-kerja penyediaan tapak dan menolak dan meratakan tanah pada bulan Ogos 1978. Kos kerja-kerja penyediaan tapak ini, berharga \$5,236,000, telah berjalan mengikut jadual dan dijangka selesai pada akhir 1980.

Untuk menjimatkan masa pembinaan Jabatan Kerja Raya telah menjalankan kerja-kerja ujian tanah di bahagian-bahagian tapak yang sudah siap ditolak dan diratakan itu

dengan tujuan mereka-bentuk bangunan-bangunan yang boleh dibina sekarang mengikut empat (4) fasa-fasa (phases) yang telah ditetapkan. Sekiranya kerja-kerja pembinaan berjalan mengikut jadual Fasa I dijadualkan bermula pada September 1979 dan siap pada bulan Mac 1980, Fasa 2 akan bermula pada Julai 1980 dan siap pada November 1983, Fasa 3 akan bermula pada Disember 1980 dan siap pada Disember 1984 dan Fasa 4 akan bermula pada Februari 1981 dan siap Februari 1983.

Kos keseluruhan projek ini yang pada tahun 1976 dianggarkan sebanyak \$25,388,000 telah dikajisemula dan sekarang dianggarkan sebanyak \$36,150,000. Kenaikan kos ini adalah kerana tambahan beberapa bangunan-bangunan baru dan kenaikan harga barang-barang binaan.

Berasas kepada jadual pembinaan fasa-fasa yang dirancangkan oleh Jabatan Kerja Raya yang dinyatakan terdahulu itu projek kompleks Pasukan Polis Hutan di Benta ini dijangka siap keseluruhannya pada akhir tahun 1984.

PEKERJA KILANG—BAYARAN GAJI

34. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan gaji pekerja-pekerja kilang di negara ini dan sama ada perundingan telah dibuat dengan pihak yang berkenaan untuk membayar gaji yang lebih mengikut sara hidup hari ini; jika tidak, nyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengkaji semula pembayaran gaji yang dibuat oleh kilang-kilang yang ada sekarang.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian besar dari pekerja-pekerja kita di dalam sektor perkilangan adalah diwakili oleh kesatuan-kesatuan sekerja. Yang demikian gaji mereka adalah berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian bersama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak majikan dan pekerja itu sendiri. Pada akhir tahun 1978, terdapat sebanyak 116 perjanjian-perjanjian bersama yang telah ditandatangani diantara kesatuan-kesatuan sekerja dan majikan-majikan di sektor perkilangan yang meliputi 28,154 orang pekerja. Setakat ini, persatuan ini, yang

memberi peluang kepada majikan dan kesatuan sekerja berunding sama sendiri mengenai gaji dan syarat-syarat pekerjaan, adalah merupakan satu cara yang baik dan praktikal.

Walau bagaimanapun, bagi kilang-kilang yang kecil dan baru ditubuhkan serta masih belum diwakili oleh kesatuan-kesatuan sekerja, pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa mengambil daya usaha, untuk menasihati dan menggesa majikan-majikan yang berkenaan supaya memperbaiki lagi gaji pekerja-pekerja mereka ataupun membayar elaun bantuan khas. Walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai satu-satu kes yang spesifik silalah berhubung dengan Kementerian saya.

MAS—PENGUNAAN PESAWAT DC 10

35. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan kerugian yang dialami oleh MAS kerana penggantungan penggunaan pesawat DC 10 dan nyatakan jenis pesawat lain yang digunakan sebagai menggantikan DC 10 itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Adalah sukar bagi MAS untuk menentukan kerugian yang dialami akibat penggantungan penggunaan pesawat DC 10. Adalah dijangka bahawa kerugian yang dialami sehingga hujung bulan June, 1979 ialah tidak kurang daripada \$5 juta. MAS telah menggunakan kapal terbang jenis B 707 semasa penggantungan perkhidmatan DC-10.

PENDATANG HARAM VIETNAM— MANGSA ROMPAKAN

36. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah dibunuh, dirompak dan dipukul oleh pendatang-pendatang haram Vietnam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada rakyat negara ini yang dibunuh oleh pendatang-pendatang haram Vietnam.

Jumlah yang dirompak seramai 11 orang, dan hanya seorang sahaja yang dilaporkan dipukul.

BAHASA MALAYSIA/INGGERIS— PERUNTUKAN MASA

37. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan menimbangkan tambahan masa bagi pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris hingga ke Tingkatan 6, supaya pelajar-pelajar yang memulau kursus-kursus Universiti tidak perlu membuang masa menguatkan kebolehan dalam kedua-dua bahasa itu.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya merasakan yang peruntukan masa yang ada sekarang untuk Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah, adalah mencukupi. Peruntukan masa untuk kedua-dua bahasa itu dalam masa seminggu adalah seperti berikut:

	<i>B. Malaysia</i>	<i>B. Inggeris</i>
Kelas Peralihan ...	600 minit	200 minit
Tingkatan I-III ...	240 ..	240 ..
Tingkatan IV-V ...	200 ..	160 ..
Tingkatan VI ...	160 ..	80 ..

Pengajaran kedua-dua bahasa ini khususnya Bahasa Malaysia didapati amat memuaskan. Ini adalah kerana murid-murid berpeluang mempelajari bahasa tersebut selama 13 tahun, iaitu 6 tahun di Sekolah Rendah dan 7 tahun di Sekolah Menengah. Untuk murid-murid yang memasuki kelas peralihan akan berpeluang mengikuti pelajaran bahasa di peringkat menengah selama 8 tahun. Jika ditinjau jumlah masa murid-murid mempelajari Bahasa Malaysia di peringkat Sekolah Rendah selama 6 tahun adalah lebih kurang 73,800 minit, bersamaan dengan 1,230 jam. Begitu juga jumlah waktu untuk pengajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah. Untuk Sekolah Menengah pula murid-murid yang mengikuti kelas peralihan berpeluang belajar Bahasa Malaysia selama 77,080 minit bersamaan 1,280 jam iaitu selama 8 tahun. Manakala yang tidak mengikuti kelas peralihan mereka mempelajari Bahasa Malaysia selama 52,480 minit bersamaan dengan 875 jam, selama 7 tahun. Untuk Bahasa Inggeris pula murid-murid yang mengikuti kelas peralihan mempelajari bahasa itu selama 54,728 minit bersamaan dengan 845 jam selama 8 tahun. Dan bagi murid-murid yang tidak mengikuti kelas peralihan mempelajari bahasa tersebut selama 46,520 minit bersamaan 770 jam (angka-angka ini adalah merupakan hitung panjang masa pengajaran

yang di kehendaki oleh Majlis Perkampungan dan Desa. Sekiranya menurut kehendak sebuah firma atau perseorangan membuat reka-bentuk terutama sekali kampung-kampung baru ataupun bandar-bandar baru yang kita tubuhkan kalau tidak diselaraskan dengan kehendak-kehendak rancangan bandar dan desa yang saya katakan akan menjejaskan pula ketenteraman awam dan kesihatan awam pada masa pembinaan itu diwujudkan. Ini patut diperhatikan sebab kalau kampung itu telah diwujudkan bangunan-bangunan telah didirikan maka akan kekallah ketidakselesaian penduduk di situ dengan sebab pelan-pelan yang diluluskan, bangunan yang didirikan itu bercanggah dengan kehendak Majlis yang saya sebutkan itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga hendaklah memerhatikan bahawa pembinaan-pembinaan yang dibuat ini berdasarkan kepada tukang pelan pada rumah-rumah atau bandar baru sebagaimana saya cakapkan ini pihak Kerajaan patut mengadakan jurutera memerhati dan menyeliaikan bangunan-bangunan itu, kerana dari bangunan ini jugalah dan dari pelan-pelan ini juga dapat menentukan berapa nilai bangunan itu dan bila didirikan kelak, kiranya kontraktor-kontraktor atau pemborong-pemborong itu menyeleweng atas bentuk pelan yang dipersetujui itu akan merugikan pihak yang membuat binaan itu dan merugikan negara kita. Pada bidang inilah banyak berlaku dalu-dalu rasuah oleh sebab pemborong-pemborong tamakkan kepada keuntungan, maka mereka berpakat dengan pemborong-pemborong itu supaya mengenyepikan sesuatu yang tidak nampak oleh umum tetapi menguntungkan pemborong itu. Kejadian-kejadian ini Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dapat memerhatikan. Dengan ini saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

4.03 ptg.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad atas pandangan-pandangan yang telah diberikan itu saya akan membawa kepada agensi-agensinya yang berkenaan untuk pertimbangan.

Berkenaan dengan komen yang telah diberi oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik berkenaan dengan perkataan dalam bahasa Inggeris, ini disebabkan teks asal Undang-undang itu dalam bahasa Inggeris dan belum

sempat lagi bagi pihak yang berkenaan untuk menterjemahkan Undang-undang itu di dalam Bahasa Malaysia. Oleh sebab itu, pindaan yang berkenaan terpaksa dibuat dalam Bahasa Inggeris, kalau tidak, tidak selaras.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Untuk penerangan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kami semua di sini bukan pandai sangat Bahasa Inggeris dan ada yang tidak tahu Bahasa Inggeris. Jadi bila kita hendak berucap tidak dapat kita menyesuaikan dan apa makna biji butir pun tidak tahu. Itulah sebab saya katakan tadi kalau dapat dibuat dalam Bahasa Malaysia. Kalau ini dibuat tidaklah bermakna mahkamah akan mengikutnya kelak.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik memang fasih dalam Bahasa Inggeris, saya tidak percaya Yang Berhormat itu tidak faham dan oleh sebab tidak faham tidak boleh membahaskan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan komen akitek-akitek mesti menggambarkan national identity itu satu cadangan yang bagus. Sebenarnya saya baharu-baharu ini telah berucap kepada Pertubuhan Akitek Malaysia berkenaan dengan tajuk ini dan saya berharap lebih ramai lagi orang akan memberitahu kepada akitek-akitek dalam negeri ini supaya mereka ini sedar iaitu kita mesti membina rekabentuk kita menggambarkan national identity, saya bersetuju sangat dengan itu.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menuduh berkenaan dengan akitek-akitek dari luar negeri. Sebenarnya tidak banyak akitek dari luar negeri kecuali dalam akitek-akitek dari firma consultant yang dapat tender dalam negeri ini mungkin mereka ini bawa satu dua akitek dari luar negeri. Pada amnya tidak banyak akitek dari luar negeri dan kedudukan kita setakat ini masih lagi menghadapi kekurangan akitek dalam negeri ini. Sebenarnya lebih kurang 40% jawatan-jawatan akitek dalam Kementerian saya belum diisikan lagi. Itulah kedudukan yang sebenarnya.

Lain-lain point saya telah jawab iaitu kuasa lain agensi umpamanya agensi Local Authority dan lain-lain. Saya akan sampaikan pandangan Ahli Yang Berhormat itu kepada pihak yang berkenaan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1979 untuk bacaan kali yang kedua.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Penyelarasan Perindustrian atau ICA telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada bulan Mei, 1975 dan dipinda pada bulan Mei, 1977. Akta ini yang telah dikuatkuasakan sejak 11hb Mei, 1976 bertujuan bagi membantu Kerajaan di dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan mengenai perindustrian, memastikan perkembangan dan kemajuan yang teratur di dalam sektor perindustrian serta memudahkan pengumpulan maklumat-maklumat mengenai perindustrian.

Berikutan dengan pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Akta ini pada tahun 1977, Kerajaan telah menerima beberapa pandangan dan cadangan lanjut daripada sektor swasta yang meminta Kerajaan menimbangkan supaya diadakan beberapa peruntukan tambahan atau dipinda beberapa peruntukan yang terdapat di dalam Akta ini supaya pelaksanaan Akta tersebut dapat memberikan keyakinan yang sepenuhnya kepada para pengilang terhadap Akta ini. Justeru itu, Kerajaan telah mengkaji semula Akta

ini dan menimbangkan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh sektor swasta. Kerajaan berpendapat bahawa adalah munasabah supaya diadakan beberapa peruntukan tambahan di dalam Akta ini dan dibuat beberapa pindaan terhadap beberapa peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang di sini bagi menghuraikan beberapa pindaan utama yang dicadangkan kepada Akta ini.

Pertamanya, adalah dicadangkan supaya di bawah Akta ini ditubuhkan sebuah Majlis Penasihat Perindustrian (Industrial Advisory Council) yang bertujuan untuk menasihati Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta ini. Ini adalah selaras dengan jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan bahawa Kerajaan bersedia membincangkan dengan sektor swasta apa-apa perkara yang berkaitan dengan ICA supaya tidak timbul salah faham ke atas tujuan-tujuan serta cara-cara Akta ini akan dikuatkuasakan. Majlis ini akan dianggotai oleh 7 orang wakil daripada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan kemajuan perindustrian, termasuk wakil-wakil Kerajaan Sabah dan Sarawak, 7 orang wakil dari badan-badan perkilangan dan dewan-dewan perniagaan, termasuk wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak dan 2 orang ahli bebas yang dilantik oleh Menteri. Pengerusi Majlis ini dilantik juga oleh Menteri.

Saya sukalah menjelaskan bahawa pada masa sekarang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi membincangkan perkara-perkara mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian di antara wakil-wakil badan-badan perkilangan dan dewan-dewan perniagaan dengan wakil-wakil daripada agensi-agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, sektor swasta telah mencadangkan satu Majlis yang lebih tetap diwujudkan di bawah Akta ini bagi memberi keyakinan kepada para pelabur bahawa terdapat satu Majlis yang didirikan dengan undang-undang di mana mereka boleh membincangkan segala perkara berhubung dengan pelaksanaan Akta ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Fasal 7 dan Jadual kepada Rang Undang-undang ini adalah menjelaskan tentang perantikan ahli-ahli Majlis dan perkara-perkara berhubung dengan perjalanan Majlis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan baru yang dicadangkan ialah untuk membolehkan seseorang pengilang yang terkilan dengan sebarang syarat atau perubahan ke atas sebarang syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen di dalam lesen pengilangannya, mengemukakan rayuan kepada Menteri. Pada masa sekarang Akta ini cuma mempunyai peruntukan bagi rayuan dibuat kepada Menteri bersabit dengan penolakan, pemindaan atau pembatalan sesuatu lesen sahaja, sementara rayuan terhadap syarat-syarat dikendalikan oleh Pegawai Pelesen cuma secara pentadbiran. Dengan adanya peruntukan ini para pengilang akan merasa lebih yakin lagi memandangkan peluang mereka untuk mengemukakan rayuan kepada Menteri adalah dijamin dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun, keputusan Menteri ke atas sesuatu rayuan itu adalah muktamad. Peruntukan yang dicadangkan ini adalah dijelaskan di dalam Fasal 8 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) adalah juga dicadangkan apabila sesuatu keputusan telah dibuat oleh Menteri ke atas sesuatu rayuan bagi kes-kes yang dinyatakan sebentar tadi, pihak yang merayu hendaklah mematuhi keputusan Menteri itu dan jika beliau gagal berbuat demikian beliau bolehlah didakwa di Mahkamah dan jika didapati bersalah boleh dikenakan denda yang sewajarnya.
- (ii) Walau bagaimanapun, Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan kesalahan tersebut di mana pengilang berkenaan tidak lagi boleh didakwa di mahkamah.
- (iii) Cadangan ini adalah dibuat untuk memastikan supaya pengilang-pengilang tidak sewenang-wenangnya mengambil sesuatu tindakan yang bertentangan dengan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh Menteri ke atas rayuan mereka setelah mereka diberi peluang untuk mengemukakan rayuan kepada Menteri.
- (iv) Pindaan yang dicadangkan ini adalah dijelaskan di dalam Fasal 10 Rang Undang-undang ini.

Di bawah Akta ini sekarang seseorang pengilang yang hendak mengemukakan rayuannya kepada Menteri diberi tempoh 30 hari untuk mengemukakan rayuannya kepada Menteri. Untuk memberi masa yang lebih lama kepada seorang pengilang mengemukakan rayuannya adalah dicadangkan supaya tempoh ini dilanjutkan kepada 45 hari mulai daripada tarikh sesuatu keputusan ini disampaikan kepadanya. Pindaan ini dijelaskan di dalam Fasal 8 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta ini sekarang jika seorang pengilang itu merayu kepada Menteri terhadap pembatalan lesennya, pengilang tersebut boleh meneruskan aktiviti pengilangannya sehingga rayuannya itu telah diselesaikan oleh Menteri. Adalah didapati perlu supaya Akta ini juga mempunyai peruntukan supaya seorang yang telah mengemukakan rayuan kepada Menteri bersabit dengan pemindahan atau penganan sesuatu syarat atau perubahan kepada sebarang syarat, dibenarkan meneruskan aktiviti pengilangan mereka selagi rayuan tersebut belum lagi diselesaikan oleh Menteri. Pindaan ini dijelaskan di dalam Fasal 9, Rang Undang-undang ini.

Akta ini sekarang memberi peruntukan supaya para pengilang mengemukakan maklumat-maklumat kepada Pegawai Pelesen atau kepada pihak yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen. Sebagai mengemaskan lagi sistem pengutipan maklumat-maklumat mengenai perindustrian yang ada sekarang supaya dapat mengurangkan beban pengilang-pengilang daripada terpaksa melayani permintaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang serupa dari berbagai pihak, adalah dicadangkan supaya cuma Pegawai Pelesen dan Jabatan Perangkaan sahaja yang diberi kuasa di bawah Akta ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan daripada pengilang-pengilang.

- (i) Selain daripada itu, adalah dicadangkan supaya satu peruntukan diadakan di dalam Akta ini bagi membolehkan denda yang sewajarnya dikenakan ke atas pengilang-pengilang yang didapati bersalah oleh mahkamah kerana gagal memberi maklumat-maklumat atau memberi maklumat yang palsu kepada Pegawai Pelesen atau Jabatan Perangkaan.

- (ii) Walau bagaimanapun, Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan kesalahan tersebut dan dengan ini pengilang tersebut tidak lagi boleh didakwa di mahkamah.
- (iii) Cadangan ini dibuat adalah semata-mata untuk memudahkan Kerajaan menerusi Pegawai Pelesen dan Jabatan Perangkaan mendapat dan mengumpul maklumat-maklumat mengenai perindustrian daripada para pengilang yang diberi lesen di bawah Akta ini.
- (iv) Pada masa sekarang tidak ada peruntukan untuk mengenakan denda di bawah Akta ini dan cadangan tersebut akan memudahkan pencapaian satu daripada tujuan asal Akta ini. Pindaan-pindaan yang dimaksudkan tadi adalah dijelaskan di dalam Fasal 6 Rang Undang-undang ini.

Fasal 7 Akta ini mengenai Pemindaan sesuatu lesen perlu juga dipinda. Seksyen ini cuma memberikan peruntukan bagi membolehkan sesuatu lesen itu dipindahkan daripada pengilang kepada seorang pengilang yang lain. Oleh kerana takrif pengilang (manufacturer) di dalam Akta ini hanya tertumpu kepada mereka yang sedang menjalankan aktiviti pengilangan sahaja, Kerajaan berpendapat ini mungkin merupakan satu peruntukan yang terhad oleh kerana sesuatu lesen itu mungkin hendak dipindahkan kepada seorang yang bukannya seorang pengilang menurut takrif di dalam Akta tersebut. Oleh itu adalah dicadangkan supaya, melalui Fasal 5 Rang Undang-undang ini, Seksyen (7) (1) Akta yang ada sekarang dipinda untuk membolehkan sesuatu lesen itu dipindahkan daripada seorang pengilang kepada seorang yang lain (from one manufacturer to another person).

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penjelasan mengenai pindaan-pindaan utama yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini. Pindaan-pindaan lain yang terdapat di Rang Undang-undang ini adalah berbangkit daripada atau bersangkutan dengan pindaan-pindaan yang telah saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat di kalangan tertentu yang mendakwa bahawa pindaan yang dicadangkan ke atas Akta ini merupakan window-dressing sahaja. Dakwaan seperti itu adalah semata-mata bertujuan mengelirukan keadaan dan memperkecilkan usaha-usaha Kerajaan. Tiap pindaan yang dicadangkan telah dibincangkan dengan mendalam dengan badan-badan swasta seperti

Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan dan wakil-wakil sektor swasta daripada Sabah dan Sarawak. Beberapa cadangan mereka telah diterima oleh Kerajaan dan pindaan-pindaan yang dicadangkan diterima dengan baik oleh semua pihak. Pindaan-pindaan ini akan menghapuskan apa-apa kekhawatiran dan kebimbangan yang telah dirasai oleh setengah-setengah pihak terutama sekali pengilang-pengilang kerana mereka akan diwakili di dalam Majlis Penasihat Perindustrian yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan setengah pendapat yang mengatakan modal minima \$250,000 bagi syarikat-syarikat yang perlu mendapat lesen pengilang di bawah Akta ini sekarang adalah terlalu rendah, sukalah saya jelaskan di sini jumlah \$250,000 ialah modal pemegang saham (shareholders' fund). Modal pemegang saham tidak termasuk modal pinjaman daripada bank-bank, institusi-institusi kewangan dan pinjaman daripada pembekal-pembekal alat-alat jentera dan lain-lain sumber. Ini bererti jumlah pelaburan sebenarnya adalah jauh lebih besar daripada modal pemegang saham. Modal pemegang saham \$250,000 telah diambil sebagai garis pembahagian kerana Kerajaan menganggap syarikat-syarikat yang mempunyai kurang daripada jumlah tersebut adalah kecil. Malah mengikut definasi yang lazim diterima, small-scale industry ialah kilang yang mempunyai jumlah pelaburan ke atas tanah bangunan kilang dan jentera tidak melebihi \$250,000 atau mempunyai pekerja bergaji sepenuh masa kurang daripada 25 orang.

Definasi shareholders' fund yang diambil sebagai garis pembahagian bukan sahaja mengecualikan ke semua small-scale industries malah juga meliputi sebahagian daripada industri pertengahan (medium-scale industries). Jadi kalau paras pembahagian yang ada sekarang ini dinaikkan lagi, ini sudah tentu akan mengurangkan lagi bilangan pengilang-pengilang yang boleh dikawal di bawah Akta tersebut dan ini akan menjejaskan matlamat Akta ini untuk menyelaraskan pembangunan perindustrian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan ke atas pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) ini telah beberapa kali dijelaskan di Dewan yang mulia ini. Sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa Akta ICA ini ialah satu Akta yang bertujuan

untuk menyelaraskan pembangunan perusahaan supaya ianya berkembang dengan teratur dan sihat. Akta ini merupakan satu alat bagi perlaksanaan dasar perindustrian Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang telahpun diterima umum.

Seperti yang telah ditegaskan oleh Kerajaan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah secara keseluruhan (global basis) dan melalui perkembangan ekonomi (expanding economy). Oleh yang demikian, tiada satu golongan pun harus bimbang ke atas hak masing-masing, sebaliknya setiap golongan harus bersyukur kerana Kerajaan melalui Akta ini akan dapat melaksanakan pembangunan perindustrian yang sihat dan teratur untuk kepentingan semua pihak. Di samping itu sukalah saya menegaskan bahawa Akta ini akan sentiasa dilaksanakan dengan pragmatic dan flexible di dalam apa-apa segi sekalipun.

Akhirnya, saya memberi jaminan bahawa Kerajaan akan sentiasa mengawasi dengan teliti perlaksanaan Akta ini supaya ianya benar-benar dapat memberi sumbangan yang bererti kepada matlamat-matlamat negara kita di dalam bidang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.28 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada Akta Penyelarasan Perindustrian ini. Ini merupakan kali yang kedua Akta ini dipindaan dan adalah satu petanda akan tujuan Kerajaan untuk bertolak ansur serta menimbang pendapat-pendapat sektor swasta tentang polisi perusahaan Kerajaan.

Saya harap dialog antara Kerajaan dan sektor swasta akan berterusan dan juga sikap Kerajaan yang bertolak ansur supaya bila langkah-langkah membina dicadangkan oleh sektor swasta, Kerajaan mungkin menerimanya. Saya bukanlah hendak mengatakan Kerajaan harus menerima segala cadangan dari

sektor swasta tetapi andainya setelah dipertimbangkan dan didapati cadangan-cadangan ini berguna dan boleh membantu polisi-polisi pembangunan Kerajaan, maka Kerajaan patutlah menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan sedikit sebanyak akan mengurangkan kebimbangan sektor swasta berhubung dengan kuasa-kuasa Kerajaan di bawah Akta yang asal. Khususnya saya pasti sektor swasta akan menyambut dengan baik pembentukan satu Majlis Penasihat. Ini merupakan satu permintaan oleh sektor swasta sejak Akta ini dicadangkan dan saya amat sukacita bahawa Kerajaan telah akhirnya bersetuju akan mengadakan Majlis ini.

Bagaimanapun saya berharap Majlis ini aktif dan tidak hanya bertemu dua kali setahun seperti yang dibolehkan oleh Akta iaitu jumlah minima mesyuarat-mesyuarat yang perlu diadakan. Pada masa-masa yang lepas Kerajaan telah menubuhkan Majlis-majlis Penasihat dalam bidang-bidang lain akan tetapi kebanyakan daripada Majlis Penasihat-penasihat ini tidak bergerak langsung. Saya juga berharap istilah Majlis adalah luas agar dia dapat membincangkan perkara-perkara berhubung dengan masalah-masalah implementasi projek-projek yang tertentu di mana projek-projek ini menghadapi red tape Kerajaan Negeri serta masalah-masalah infrastruktur. Saya percaya Kerajaan sedar akan projek-projek yang telah ditetapkan kepada kawasan-kawasan perusahaan oleh Kerajaan Negeri masih tidak dapat didirikan disebabkan infrastrukturnya masih belum disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta menyambut baik juga akan Seksyen 13, yang telah diluaskan agar membolehkan seseorang yang telah tersalah membuat rayuan terhadap beberapa keputusan-keputusan yang dibuat terhadapnya. Pindaan ini sekali lagi timbul daripada beberapa dialog antara Kerajaan dan sektor swasta tetapi dukacita Kerajaan tidak bersetuju menubuhkan Lembaga Rayuan berkecuali.

Rayuan-rayuan masih didengar oleh Menteri dan saya memikirkan sama ada Menteri dapat melayan dan menyelesaikan rayuan-rayuan ini dengan cepat. Tidak ada syarat-syarat dikenakan bagi peraturan mendengar rayuan dan saya berharap tiap-tiap perayu akan diberi perhatian yang adil dan lebih utama. Dia akan diberi peluang yang cukup untuk membentangkan kesnya. Kalau

ini dibenarkan, ini bererti tiap-tiap rayuan akan mengambil masa untuk diselesaikan dan saya rasa setiap rayuan ini dapat diselesaikan dengan segera. Memandangkan se-secrang Menteri mempunyai jadual kerja yang sibuk tetapi dengan adanya Lembaga Rayuan yang berkecuali ini, rayuan-rayuan ini dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti Menteri akan bersetuju tujuan meluluskan Akta Penyelarasan Perindustrian adalah untuk melicinkan pelaburan dan bukanlah objektif Akta ini sebagai penghalang pelaburan. Kalau sesuatu perusahaan diperluaskan dengan baik Akta ini menjadi pelindung kepada pelabur-pelabur yang wujud yang mendapat jaminan bahawa polisi industrialisasi adalah adil dan pelabur-pelabur ini boleh bergantung kepada Kerajaan untuk perlindungan yang wajar. Kalau Akta ini boleh memainkan peranan yang sedemikian, saya percaya sektor swasta akan menyambut keujudan Akta ini dan sebaliknya ini akan menjadi suatu tarikan bagi pelabur-pelabur baharu datang ke Malaysia dan bagi pelabur-pelabur yang ada meluaskan operasi mereka.

Bagaimanapun Akta ini janganlah hendaknya digunakan sebagai alat memaksa pengusaha-pengusaha mengikut syarat-syarat yang tidak praktikal dalam implementasi Akta ini adalah diharapkan pegawai-pegawai yang berkenaan bersifat pragmatik serta menentukan fungsi yang utama adalah untuk menggalakkan dan memajukan pertumbuhan perusahaan yang teratur.

Dalam segi ini mereka harus menimbangkan bahawa walaupun tiap pengusaha bertanggungjawab terhadap tercapainya matlamat-matlamat polisi ekonomi yang baharu adalah keadaan-keadaan di mana implimentasinya agak lambat dan kadangkala tidak mungkin dibuat sementara waktu. Contohnya dia mungkin menghadapi kesukaran mencari ekuiti bumiputra kerana berbagai sebab:

- (a) Syarikat tersebut tidak memperoleh keuntungan yang mencukupi.
- (b) Dia dapat menggunakan wangnya dengan lebih berfaedah seperti membuka perniagaannya sendiri.
- (c) Dia tidak suka menjadi pemegang saham yang minoriti dengan pelaburan yang ditanam.
- (d) Kesukaran mendapat ahli bumiputra yang bersetuju dan serasi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengambilan pekerja mungkin sukar agaknya mendapat kakitangan bumiputra yang mencukupi yang mungkin mengendalikan sesuatu perusahaan di suatu kawasan di mana tidak ramai penduduk bumiputra ataupun mereka tidak menaruh minat terhadap bentuk perusahaan yang dijalankan. Walaupun tanggagaji tidak begitu competitive berbanding dengan gaji yang diberi oleh sektor-sektor yang lain di kawasan yang sama. Di sini mungkin Kerajaan harus mengambil peranan utama dengan mengadakan tenaga pekerja yang seimbang di berbagai-bagai Jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun.

Sebagai kesimpulan, saya ingin sekali lagi menyokong pindaan-pindaan yang disenaraikan di Dewan ini, dengan harapan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengkaji semula dan meneliti Akta ini dan implimentasinya agar menentukan iklim pelaburan di negara ini bersesuaian kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing. Dan pada masa yang sama menentukan pelabur-pelabur ini diberi peluang mendapat keuntungan dari pelaburan mereka serta memainkan peranan-peranan dalam pembangunan sosio-ekonomi dan politik negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.

4.38 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini pada mulanya dibuat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi ialah pada bulan Mei 1975. Selepas bulan Mei 1975, maka ada setengah-setengah manusia di dalam negeri kita ini telah tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana Kerajaan kita ialah Kerajaan yang adil, maka Kerajaan kita terpaksa menimbangkan rungutan-rungutan daripada manusia-manusia yang tidak bersetuju ini ataupun takut-takut kerana ada Rang Undang-undang ini maka harta-hartanya akan dirampas oleh Kerajaan ataupun fikiran-fikiran yang tidak menyenangkan hati. Maka dengan sebab itu, maka pada tahun 1977 Rang Undang-undang ini dipinda lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dinamakan Akta Penyelarasan Perindustrian adalah satu Rang Undang-undang untuk menjaga terutama sekali hak-hak bumiputrapunya dan juga hak-hak orang lain yang bukan bumiputra dan juga hak-hak orang luar. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini dibuat pada tahun 1975 tujuannya supaya bumiputra mengambil bahagian sekurang-kurangnya 30% dalam dunia perusahan. Ini tidak akan tercapai jikalau tidak ada Rang Undang-undang ini dibuat, sebabnya jikalau didiamkan sahaja pengusaha-pengusaha ataupun pekilang-pekilang ini untuk memberi ataupun memikirkan baik hati mereka untuk memberikan kepada orang Melayu atau bumiputra sampai dunia kiamat-pun yang 30% hak-hak orang Melayu atau bumiputra ini tidak akan diberi, baik orang di dalam negeri ataupun di luar negeri. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini dibuat untuk menyelaraskan dasar Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup bumiputra dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar rungutan-rungutan orang-orang di dalam negeri dan di akhbar-akhbar di luar negeri kita baca misalnya seperti di London, New York, Tokyo, Hongkong menyalahkan Kerajaan kita ini adalah tidak adil oleh kerana berat kepada bumiputrapunya, inilah yang disalahkan oleh setengah-setengah manusia dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum negeri kita ini adalah sebuah negeri yang kita fikirkan siapa sahaja yang duduk di dalam negeri ini boleh hidup dengan senang-lenang, kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri bukan sahaja di South East Asia atau di Asia tetapi di seluruh dunia dan pembahagian-pembahagian hidup juga telah diberi kepada semua bangsa yang taat setia kepada negeri ini. Tetapi ada manusia-manusia yang telah mendapat kekayaan dan kesenangan dalam negeri ini mereka tidak senang, bukan yang miskin—tidak, tetapi yang kaya-raya yang telah diberi pangkat oleh Kerajaan sendiri, orang ini yang tidak senang hati, orang ini kalau boleh hendak mengambil lagi berapa banyak hendak kaup sahaja dan tidak mengenang kehidupan, kesengsaraan orang lain. Kita lebih maklum iaitu selepas 13hb Mei, 1969 dahulu apabila disiasati bumiputra memang saham ataupun iktisad bumiputra cuma 1½% sahaja di dalam negeri ini. Dengan sebab ini semua bumiputra

terperanjat menengokkan cuma 1½% sahaja iktisad bumiputra dan yang lain dipegang oleh orang-orang asing, orang luar negeri dan orang dalam negeri bukan bumiputra dengan sebab itu Kerajaan berpendapat iaitu iktisad secara ini tidak sihat. Kalau badan tidak sihat tentu sakit, kalau negeri tidak sihat yang iktisadnya dipegang oleh satu kaum negeri juga tidak sihat, dengan sebab itu maka Dasar Ekonomi Baru adalah dibuat oleh Kerajaan. Pengambilan itu bukan sahaja di dalam memasuki saham, pembelian saham di kilang-kilang tetapi juga pengambilan orang-orang bekerja.

Sebelum 13hb Mei 1969 dahulu pengambilan bumiputra ke dalam kilang-kilang didapati tidak ada keadilan. Di masa itu bumiputrapunya cuma layak untuk menjadi watchman di bank-bank, cuma layak untuk menyapu sampah di kilang-kilang, cuma layak untuk menjadi peon sahaja. Tetapi alhamdulillah oleh kerana ada Rang Undang-undang yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri maka dapatlah bumiputra bernafas sedikit iaitu mereka ini dapatlah bekerja bukan sahaja menjadi tukang sapu tetapi untuk bekerja sebagai eksekutif-eksekutif dalam firma-firma atau syarikat-syarikat baik di dalam atau di luar negeri. Jadi ada setengah-setengah pihak pula yang mengatakan dengan adanya Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri maka pemodal asing akan lari daripada negeri ini. Ini adalah karut semata-mata.

Yang Berhormat Menteri telah beberapa kali menyatakan di dalam akhbar iaitu daripada tahun 1975-1979 ini modal asing makin bertambah masuk ke dalam negeri ini membuat kilang-kilang. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan berapa banyak kilang-kilang yang didirikan selepas Rang Undang-undang ini diluluskan. Maklumlah ada setengah manusia yang takut hartanya akan dirampas oleh Kerajaan, tetapi Kerajaan kita tidak seperti Kerajaan Vietnam, Kerajaan Vietnam menghalau orang-orang yang walaupun telah tinggal lama di negeri itu dihalau keluar dengan tidak bertanggungjawab, tetapi Kerajaan kita adalah bertanggungjawab. Dengan sebab itulah pembahagian harta ini kepada bumiputra 30% dan orang yang telah menjadi warga-negara 40% dan 30% kepada orang asing yang menanam modal di sini. Tetapi kepada bumiputra tidak menjadi soal, kepada bumiputra macam saya dan lain-lain tidak menjadi

soal, kalau 30%—30% lah kita tidak menuntut mengapa 30% dan kita mendapat 1½% sahaja pada masa itu. Mengapa kita tidak mengatakan ini tidak patut, kita hendak 50%, 60%, 70% kepada bumiputra, apa kata pemimpin, bumiputra 30%—30% lah tetapi kepada orang asing inilah yang kita menekankan supaya mengerti benar-benar tujuan Akta ini, bukanlah untuk menekan orang lain, tetapi untuk memperbaiki iktisad dalam negeri ini supaya tiap-tiap warganegara dalam negeri ini pada hari akan datang hidup senang-lenang seperti warganegara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini ada Majlis Penasihat Perindustrian yang ahli-ahlinya terdiri dari beberapa orang di antaranya daripada Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak adalah satu daripada negeri di dalam Malaysia ini. Jadi kalau Sabah dan Sarawak diambil menjadi ahli Majlis ini, bagaimana Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kelantan, Trengganu, Perlis tidakkah dianggap oleh Kerajaan sebagai satu state, itu saya tidak tahulah, ataupun dikatakan Semenanjung Malaysia satu yunit dan Sabah, Sarawak adalah lain yunit. Tetapi tidak pula begitu, Sabah dan Sarawak itu satu yunit di sebelah dan Semenanjung Malaysia, baru perkara ini saya hendak mendapat tahu jikalau boleh iaitu tiap-tiap state mestilah ada wakil-wakil yang duduk di dalam Majlis ini.

Saya juga hendak mengingatkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu untuk pemodal asing yang masuk ke dalam negeri ini bukan kerana dengan adanya Industrial Co-ordination Act ini, tetapi oleh kerana kelambatan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri, kadang-kadang pemodal-pemodal hendak datang berjumpa sangat susah, kadang-kadang kalau datang pun dipandang seperti kita hendak pergi ke hospital kerana kita hendak berubat, kalau pergi ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini difikirkan hendak mengambil lesen daripada pegawai itu sahaja atau daripada Kementerian Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendak oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jikalau hendakkan lebih ramai lagi pedagang-pedagang asing atau pemodal asing masuk ke dalam negeri ini pegawai-pegawai ini mestilah diberi sebenar-benar

kursus, iaitu macam orang berniaga mesti pandai mengambil hati orang supaya orang hendak masuk berdagang ataupun menanam modal dalam negeri tetapi jikalau pegawai-pegawai dalam Kementerian itu mendada dan apabila ditanya tidak dijawab, ada setengah-setengahnya saya boleh tunjukkan sepucuk surat 3 minggu pun tidak berjawab. Jadi pemodal-pemodal asing tentu sekali memikirkan sungguh susah hendak mendapatkan apa-apa, hendak bertanya pun susah. Ini mestilah Yang Berhormat Timbalan Menteri menengokkan supaya perjalanan Kementerian ini berjalan dengan begitu teratur supaya pedagang-pedagang atau pemodal asing masuk lebih banyak lagi ke dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemodal-pemodal asing ini juga apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap tadi infrastructure itu mesti ada tetapi pada hari ini Menteri kita pergi ke Eropah, pergi ke Jepun, pergi ke Amerika, entah beberapa syarikat yang akan datang ke mari beberapa banyak akan datang lagi ke dalam negeri kita ini. Oleh kerana negeri kita ini makmur elok dan sebagainya boleh jadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian pergi keluar negeri tentulah orang asing ini hendak masuk menanam modal ke dalam negeri kita tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu atau tidak, sudah berapa kali kita katakan tetapi diberi alasan-alasan yang kosong, memberi alasan-alasan yang tidak dimasuk oleh akal. Kalau tahu orang-orang luar hendak datang menanam modal di sini, yang penting sekali adalah tenaga, iaitu tenaga elektrik, kemudian baru air. Tenaga elektrik ini kekurangan, dia kata nanti Temenggong Dam, nanti Tuanku Jaafar Power Station, nanti ada satu station di Johor, tetapi apa sebabnya power station kita tidak buat dengan seberapa segera, kerana kita tahu yang kita hendak membangun, kalau tidak, nanti dahulu. Alangkan kilang-kilang yang ada di dalam negeri kita ini tidak dapat menjalankan pengeluaran perindustriannya dengan sepenuhnya oleh kerana selalu sahaja rosak. Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan tak tahu, kadang-kadang dia kata disekat di Pulau Pinang, di Petaling Jaya, di Batu Tiga dan sebagainya. Jadi perkara seperti ini orang-orang asing bawa balik ke negerinya, ia kata tidak usahlah menanam modal oleh kerana tenaganya tak ada, apa hendak menanam modal.

Sesudah itu air pula tak ada, takkan tak tahu air tak ada. Rumah-rumah dibuat begitu banyak di sekeliling Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Batu Tiga, di Pulau Pinang, di Johor dan sebagainya, tentulah pegawai-pegawai kita yang ada bersangkutan-paut, tentu ini ada bersangkutan-paut. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu sekali akur kepada saya iaitu tentu bersangkutan-paut Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan pejabat-pejabat ataupun Kementerian-kementerian yang ada sangkut-paut, tidak adakah coordination di antara Kementerian-kementerian ini. Bekalan air tak ada, tak cukup, disekat sana, disekat sini, orang hendak minum pun tak dapat, tidak usahkan kilang yang menggunakan air cukup banyak, tidak adakah boleh dibuat industrial water. Selain daripada air minuman ini ada industrial water macam di lain-lain negeri, tidak payah ditaruh ubat dan sebagainya boleh dibuat, takkan tidak boleh dibuat begitu di negeri kita. Kenapa sampai sekarang negeri yang begini maju air pun tidak cukup lagi.

Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, hendak minta tanah. Kalau orang luar itu datang ke negeri ini hendak menanam modal, tanah yang dibuat oleh State Economic Development Corporation—PKEN di tiap-tiap negeri, ini tidak usahlah, nanti lambat hantar application berbulan-bulan hendak approve. Tentulah perkara tanah ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab kepada saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.55 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.15 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyambung ucapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap penanam modal dalam negeri ini apabila mereka hendak masuk dalam negeri ini tentu ia

hendak menanam modal terutama sekali kalau hendak membuat kilang mesti ada tanah—basenya tanah ini penting sekali.

Yang Berhormat Menteri telah beberapa kali mengatakan yang dia telah berunding dengan Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri walau bagaimanapun membuat kerja yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tetapi kalau Kerajaan Negeri tidak memberi kerjasama yang erat betul, bukan tidak beri kerjasama, ada memberi kerjasama, ianya tidak akan berjalan. Kalau tidak ada kerjasama yang erat maka apa juga Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya tidak akan dapat berjalan.

Cuma saya mengatakan di sini, hendak menunjukkan satu daripadanya iaitu apabila pemodal masuk ke negeri ini, katalah sesudah mendapat izin daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menanam modal dalam negeri ini, mula-mula dia pergilah ke satu-satu negeri bertanya berkenaan dengan tempat atau tapak untuk mendirikan kilang—bukanlah boleh dapat dalam tempoh sebulan—tak boleh dapat tetapi memakan masa berbulan-bulan kalau tidak bertahun, kerana red tapenya banyak sangat. Masa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dahulu mengatakan potong red tape ini habis-habis, jangan ada red tape terlampau berjela-jela panjangnya. Jadi, apabila red tape ini berjela-jela, tentu sekali kerja yang betul-betul dibuatnya tidak dapat. Jika orang itu hendak menanam modal dalam negeri ini, apa salahnya tanah diberikan dahulu, kalau sudah, tunjukkan, ini dia tapak tanahnya. Kemudian daripada itu kalau hendak geran adalah pembayarannya dikemudiankan yang hendak ditetapkan oleh EXCO tiap-tiap satu negeri. Ini memakan masa yang begitu lama dan orang-orang daripada luar negeri terpaksa menanti. Maka Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah tengokkan di atas perkara ini, kerana kalau dikatakan berkenaan dengan hal tanah, ini adalah hal lain tetapi ini ada sangkut paut yang terbesar di antara tanah dengan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga mengatakan sekarang tidak ada shortage—tidak ada kekurangan minyak disel. Di dalam akhbar disiarkan secara besar-besaran mengatakan sekarang harga disel sudah ditambah, jadi

orang tidak lagi pergi beli secara black market dan sebagainya, bolehlah dibeli di mana-mana juga. Ini Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan.

Tuan Yang di-Pertua, disel ini digunakan oleh kilang-kilang. Tetapi kita tengok pada hari ini disel kurang di mana-mana juga sungguhpun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri boleh didapati di mana-mana.

Baharu-baharu ini saya dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau misalnya tidak ada sekatan harga, segelen, setong dan sebagainya, berapa banyak disel boleh dibeli. Dahulu dikatakan untuk kereta-kereta harganya murah dan untuk kilang-kilang harganya mahal. Ini sudah diseratakan dan oleh kerana sudah diseratakan tentulah dapat, tetapi ini ada pula dalah yang lain. Ini menyusahkan orang-orang yang hendak menanam modal di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap panjang sedikit berkenaan dengan bumiputra dalam perusahaan dan perdagangan, oleh kerana ada bumiputra division dalam perdagangan dan perusahaan dan berkaitan dengan ICA ini adalah penting. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada bahagian bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan di situ, ada dasar Kerajaan untuk orang bumiputra melibatkan diri dalam perdagangan dan perusahaan maka dengan sebab itu, apa yang bumiputra ini hendak masuk dalam perdagangan dan perusahaan ini ialah modal. Dalam tahun 1969, kita cuma dapat pegang iktisad dalam negeri ini sebanyak 1½% sahaja. Apa sebabnya? Kerana bumiputra tidak ada berduit, bukan tidak mahu ataupun barangkali Kerajaan tidak beri kepada bumiputra untuk masuk dalam perdagangan dan perusahaan. Kalau secara bumiputra untuk berangan-angan macam Mat Jenin, boleh. Ini tidak boleh dalam perdagangan dan perusahaan, bukan Mat Jenin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak tahu cerita Mat Jenin panjat pokok kelapa. Tengah dia memanjat itu, dia fikir, kalau aku dapat 10 biji kelapa, aku hendak beli kambing. Lepas dia dapat banyak anak kambing, dia beli kerbau. Banyak kerbau dibeli kapal. Banyak kapal, dia hendak beli tuan putri, apabila sudah beli tuan putri, dia hendak kahwin dengan tuan putri. Apabila dia hendak peluk tuan putri, dia jatuh

ke bawah. Ini bukan Mat Jenin. Orang Melayu tidak seharusnya berfikir seperti Mat Jenin. Angan-angan boleh tetapi berfikir seperti Mat Jenin tidak boleh pada hari ini. Jadi bagaimana bumiputra hendak memasuki dalam perdagangan dan perusahaan.

Sekarang ini dikatakan oleh Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup orang Melayu, orang Melayu hendaklah masuk dalam perdagangan dan perusahaan, tetapi apa yang ada. Betul, bukan tidak betul ada UDanya, ada PERNASnya, ada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negerinya dan sebagainya tetapi ini semuanya adalah hak Kerajaan. Itulah sebabnya orang-orang lain marah, dia kata lihat bumiputra macam-macam dapat, itu ini semua dapat. Sudah naik satu perasaan, tetapi bukan bumiputra yang betul-betulnya. UDA, PERNAS, Perbadanan-perbadanan ini jika sekiranya dapat keuntungan ia tidak beri kita, kita tidak dapat, kita tidak untung. Itu mesti orang asing, orang lain daripada bumiputra mesti mengerti dalam perkara ini oleh kerana ini mesti ada silap faham. Di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang bagaimana mencari kewangan? Itulah sebabnya yang dikatakan oleh Kerajaan bank-bank terbuka untuk bumiputra meminjam tetapi bank-bank terbuka untuk bumiputra pinjam mesti ada cagaran-cagaran, itulah sebabnya Bank Rakyat—akan kita bincang dalam Dewan ini nanti. Sebabnya ialah tiada modal.

Ada saya terbaca orang meletakkan insurans nyawanya untuk meminjam \$300,000-\$400,000. Insurans nyawa itu kalau misalnya dia mati dua tiga hari bolehlah. Kalau dia tidak mati, kemudian dia bankerap, bagaimana? Ini juga terpaksa difikirkan. Jadi di sini division dalam perdagangan dan perusahaan di mana ada dijaga hak-hak bumiputra ini mestilah difikirkan bagaimana untuk menolong bumiputra ini dalam perkara mengambil saham 30% itu. Jadi sampai hari ini bingung rasanya, kerana orang-orang di kampung-kampung juga hendak membeli saham-saham.

Kita mengatakan hendak menolong bumiputra pergi ke bank, bank berkehendakkan guarantee, security. Takkan Bank boleh beri asalkan dia orang Melayu, si Ahmad nah ambil \$30,000—si Baba ambil \$100,000.

Sebab di dalam perdagangan dan perusahan bukan senang-senang begitu. Siapa menceburkan diri dalam dunia perdagangan dan perusahaan tahu bukan sahaja berkehendakkan wang ringgit; itu satu faktor untuk masuk dalam perdagangan dan perusahaan, tetapi bukan itu sahaja, pengetahuan, pelajaran, sebelum itu hendak diasas pasaran, bahan mentah, viability sesuatu projek itu. Ini mulanya, langkah yang pertama, kalau tiada wang tak usah kita hendak katakan melihat, kalau kita hendak masuk dalam perdagangan dan perusahaan kalau tiada wang mula-mula apa pun tidak boleh buat.

Jadi itulah sebabnya dalam Industrial Co-ordination Act ini ada sangkut-paut dengan cadangan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, antara lain, pinjam kepada bank-bank, Bank Bumiputra, bank itu dan ini tetapi bagaimana? Adakah projek-projek ini sudah ada siap, projek dilihat oleh Kementerian ataupun bank lihat projeknya viable atau boleh kemudian dia pinjamkan wang kepada bumiputra, ataupun boleh diguarantee oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mengatakan projek ini boleh dijalankan pinjamkanlah si A ini wang untuk menjalankan projek ini. Bolehkah kita buat begitu. Kalau tidak boleh, saya fikir berapa kerat sahaja orang Melayu yang boleh masuk dalam perdagangan dan perusahaan. Yang lain itu menanti 30 tahun akan datangpun dan untuk Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 20 tahun akan datang, tidak sampai 12 tahun, 11 tahun sahaja lagi untuk mengisi 30% ini tidak akan tercapai.

Ada setengah-setengah Menteri kata tidak boleh tercapai, ragu-ragu. PERNAS, UDA, ini lain. Buat satu Akta sahaja, katakan hendak meminjam wang Kerajaan masukkan itu ke PERNAS atau Bank Rakyat itu senang sahaja, tetapi ini bukan duit bumiputra yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Ini yang patut difikirkan bagaimana untuk menolong bumiputra sebenar-benarnya bukan secara kita berpolitik kita kata bank itu bank ini senang sahaja, dengan sebab itu banyak orang-orang Melayu, bumiputra pergi ke Bank tangan kosong. Saya katakan tidak dapat meminjam begitu sahaja, tidak boleh, melainkan dengan ada cagaran. Kalau tiada cagaran nanti bagaimana bank-bank itu, tiba-tiba bank itu kalau membenarkan tentulah bank itu bankerap pula.

Jadi selain daripada bank yang dapat meminjamkan secara begini Kerajaan tentu ada satu jalan, kerana tempohnya tidak lama lagi, dalam 11 tahun lagi untuk menolong bumiputra ini dalam perdagangan dan perusahaan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mustahak oleh kerana saya katakan perkara ini terlalu sensitif, sebab itulah kominis mula masuk di kalangan bumiputra, itu sebab beberapa orang di dalam kita masuk dia kena hasut oleh Komonis Russia sebab bumiputra tiada apa-apa, kalau masuk kominis pun tiada hal. Apa ada kerugian kepada bumiputra kalau masuk kominis. Ini yang senang sekali mereka dakyah-dakyah kepada kita, semua dia benar, melainkan siapa teguh yang belajar ugama teguh kepada ugama biar mati sekalipun kita tidak akan masuk kominis sebab kominis tidak percaya wujudnya Tuhan, tetapi orang-orang sekarang ini wujud Tuhan, tidak wujudnya Tuhan itu perkara yang kedua. Perut adalah perkara utama, kebendaan adalah perkara utama. Itulah sebabnya Dollah Ahmad, Abdullah Majid, Samad Ismail telah mempropaganda bukan sahaja kepada orang-orang kampung tetapi orang-orang intelek yang atas-atasan. Itulah apa yang dikatakan oleh Tan Sri Ghazali Shafie dalam Sunday Times semalam.

Apa yang saya katakan 4 tahun dahulu dalam Dewan ini dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie semalam adalah benar. Bagaimana China Komonis hendak masuk, bagaimana Russian Komonis hendak masuk, orang Russia Komonis menggunakan orang Melayu; perkara itu adalah benar. Dengan sebab itu Kerajaan terpaksa benar-benar bukan saya katakan untuk menolong Bumiputra sahaja, rakyat yang lain pun mesti ditolong. Misalnya orang China mesti tolong orang India selain daripada orang Melayu (Bumiputra) untuk mencapai 30%, itu kerana hak mereka untuk dapat 30%. Tetapi kepada orang China yang miskin pun yang hendak masuk dalam perdagangan dan perusahaan patut ditolong juga oleh kerana mereka ini dapat masuk bersama-sama di dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Tetapi yang saya menegaskan sekarang bukanlah perkauman tetapi Bumiputra yang kita katakan hendak mengisi 30% tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini saya minta juga kepada Menteri yang bertanggungjawab, memang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah satu Kementerian yang cukup adil mengadakan undang-undang ini tetapi saya minta kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya jangan selalu bertolak ansur, jangan sekali-kali. Sebab kalau ini boleh bertolak ansur, kami juga orang Melayu (Bumiputra) akan minta bukan 30% tetapi 50% atas hak-hak, saham-saham Bumiputra ataupun ikhtisad Bumiputra dalam negeri. Itu sebabnya apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita mesti tegas. Kalau betul-betul tegas maka terpaksalah Kerajaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tegas di atas perkara ini. Selepas ini nanti kalau ada suratkhbar ataupun ada golongan manusia mengatakan Rang Undang-undang ini bagus tetapi ada juga yang mengatakan tidak bagus. Jadi hendak didengar juga lagi.

Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri walaupun Rang Undang-undang ini saya sokong tetapi pada hari yang akan datang saya mintalah supaya tegas. Kalau tidak, ini baru sangat Rang Undang-undang ini diluluskan pada tahun 1975; tahun 1977 lagi dipinda, kemudian pada tahun 1979 lagi sekali dipinda, jadi terlampau sangat. Kenapa yang lain-lain tidak difikir begini?

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini 100% dan diharap perjalanan Rang Undang-undang ini akan dimanfaatkan kepada semua sekali.

5.34 *ptg.*

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975.

Saya ingin menambah ucapan rakan-rakan saya tadi berkenaan dengan pindaan kepada Akta ini. Anih sekali bagi saya melibatkan bahawa Akta ini yang telah diluluskan pada tahun 1975 telah didatangkan pula lagi pindaannya pada tahun 1977 dan sekarang ini pada tahun 1979 sekali lagi pindaan dibuat tanpa ada pelaksanaan-perlakuan yang tertentu semenjak masa itu.

Apa yang saya dapat pandang daripada pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan mengikut ucapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi jelas

hanya pada masa sekarang ini baru diadakan perundingan-perundingan, perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak tertentu untuk menjadikan Akta ini satu Akta yang akan dapat memberi manfaat kepada rakyat. Saya hairan kenapa pada tahun 1975 semasa Akta ini dibuat tidakkah ada perundingan-perundingan yang lebih awal dengan pihak-pihak yang tertentu supaya Akta ini pada hari ini sudah dapat dilaksanakan. Inilah yang saya tidak faham dan walau bagaimanapun saya harap kepada Menteri yang berkenaan setelah Dewan yang bertuah ini menyokong pindaan Rang Undang-undang ini perkara ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana ini adalah satu lagi cara Kerajaan hendak menolong Bumiputra menyertai dalam bidang perindustrian.

Kita tahu Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh supaya bumiputra dapat menyertai segala aspek pembangunan ekonomi negara ini dan kita tahu seperti yang dimatlamatkan pada tahun 1980 Rancangan Malaysia Ketiga dapat memberikan jumlah hakmilik bumiputra dalam ekuiti syarikat awam dianggar menjadi 16%. Rancangan Malaysia Ketiga akan berakhir tidak lama lagi, dan pertambahan modal bumiputra yang dijangka bagi mencapai matlamat itu ialah 52.3%. Bagaimanakah kita hendak mencapai ke matlamat itu jika Akta yang kita buat selama hari ini tidak bergerak dan pindaan demi pindaan didatangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan menyusun semula masyarakat kita tidak boleh membuang masa khususnya kepada memperbaiki keadaan bumiputra di negara ini. Sebahagian rakyat yang kecil bilangannya di negara ini kaya, dan sebahagian masyarakat yang besar bilangannya iaitu bumiputra masih lagi miskin. Apakah usaha kita, bukan sahaja kepada bumiputra bahkan juga bukan bumiputra, kalau betul-betul jujur dan ikhlas untuk hendak melihatkan rakyat negara ini hidup bahagia, kenapa mereka tidak mahu menerima Akta ini pada tahun 1976 di mana kalau tidak silap saya daripada 1hb Mei, 1976 sepatutnya implementasi Akta ini tetapi gagal dilaksanakan, kerana kononnya ada setengah golongan yang mengatakan mereka tidak faham apakah Akta ICA itu dan apakah Dasar Ekonomi Baru, apakah dasar Kerajaan untuk meningkatkan bumiputra dan sebagainya?

Jelas kita lihat pada hari ini perundangan-perundangan telah dibuat dan mereka pula mengakui bahawa masanya telah sampai tetapi bagi bumiputra untuk hendak mencapai penyertaan yang 30% itu pada tahun 1990 sudah lagi kekurangan. Dan saya harap pada Menteri yang berkenaan supaya ada balance penyertaan dalam perkara ini dan caranya saya berharap sepertimana yang disebutkan tadi oleh Menteri tadi Akta ini bukanlah window-dressing dan saya akui ini bukan window-dressing tetapi siapa yang tak menjadikan perkara ini window-dressing? Kepada saya, Majlis Penasihat itulah badan yang besar sekali yang akan menentukan sama ada Akta ini hanya untuk window-dressing ataupun ibarat melepaskan batuk di tangga.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan ahli-ahli Majlis Penasihat ini mesti kita awasi supaya mereka itu betul-betul manusia yang jujur dan ikhlas hendak melihat rakyat yang minoriti yang saya sebutkan tadi itu yang tidak mendapat penyertaan di dalam bidang ekonomi negara ini dengan sepenuhnya dapat dipertolongkan. Mereka mesti faham bahawa tujuan Akta ini ialah untuk syarikat pengilang yang modal pemegang sahamnya ialah \$250 ribu ke atas dan mempunyai pekerja-pekerja yang tetap lebih daripada 25 orang dan saya percaya pengilang-pengilang ini banyak, tidak dapat dikira banyaknya dan rasa saya inilah peluang bagi bumiputra untuk berkecimpung di dalam perusahaan perkilangan ini.

Orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, akui kelemahan mereka oleh kerana keadaan mereka di masa kita dijajah dahulu tidak mendapat pelajaran, tidak diberi peluang untuk belajar dan apakala tidak ada pelajaran tidak dapat berkecimpung di dalam pembangunan ekonomi maka mereka memohon, mereka merayu kepada Kerajaan hari ini supaya memberi mereka itu kesempatan pada hari ini menyertai di dalam semua aspek pembangunan khususnya pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan baharu yang dicadangkan untuk membolehkan seseorang pengilang yang terkilan dengan sebarang syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen bolehlah mengemukakan rayuannya kepada Menteri bersabit dengan penolakan, pemindahan ataupun pembatalan sesuatu lesen. Hal ini perlu ketegasan. Jika tiada ketegasan biasanya tiada

pelaksanaan. Fasal 8 Rang Undang-undang ini yang menyatakan boleh merayu kepada Menteri dan saya berharap Menteri tidak lagi mencuaikan, tidak lagi memberi dolak-dalik kerana di sinilah letaknya kejujuran dan keikhlasan kita semua untuk melaksanakan Akta ini bagi memberi peluang kepada orang-orang kita memasuki di bidang perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Akta ini seperti yang saya sebutkan tadi ialah untuk pengilang-pengilang yang modal pemegang sahamnya \$250 ribu ke atas. Dalam perkara ini saya suka menyentuh berkenaan dengan syarikat-syarikat yang wujud hari ini sama ada syarikat-syarikat tempatan ataupun syarikat-syarikat luar negeri. Ada yang setengahnya itu memberi alasan mereka tidak dapat melaksanakan ataupun mengagihkan penyertaan ekuiti bumiputra ini kerana mereka takut kita akan mengambil semua hak mereka itu ada yang mengatakan mereka itu menimpa kerugian yang begitu banyak tiap-tiap tahun dan tidak dapat memberikan equity itu.

Kementerian diminta supaya meneliti perkara ini kerana setengah-setengah kompeni ataupun setengah-setengah syarikat pengilang ini terutama sekali yang memerlukan pasarannya orang-orang tempatan misal kata food industry ataupun sabun yang pasaran tempatannya menggunakan orang tempatan, saya percaya mereka ini mencari dalih supaya tidak mengambil bumiputra menyertainya dengan berbagai-bagai cara, dan satu daripadanya mereka akan mengambil pakar-pakar luar negeri dan mereka ini akan membayar management fees beratus-ratus ribu ringgit setahun dan ini akan dimasukkan dalam rekod kira-kira keuntungan dan sebagainya dan menunjukkan kepada Kerajaan kita bahawa mereka menghadapi kerugian kerana mereka ini sudah bayar wang yang banyak dengan sebab mengambil consultant luar negeri ini, kononnya.

Saya percaya, Kerajaan akan berusaha untuk mencari jalan supaya perkara ini tidak timbul. Boleh atau tidak Kementerian yang berkenaan menggunakan satu cara "monitoring" supaya ini jangan dijadikan satu sebab kenapa bumiputra tidak diberi peluang menyertai syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara rasa saya, selama hari ini telah disuarakan oleh bumiputra kerana yang saya sebutkan seperti daripada awal lagi tadi bumiputralah orang yang banyak ketinggalan, yang ketinggalan lebih jauh daripada rakan-rakan kita yang lain di bidang ekonomi, maka inilah satu cara bagi mereka untuk menyertai khususnya di bidang pengilangan ini. Jika syarikat-syarikat tempatan berdalih kerana mereka tidak dapat menolong bumiputra kerana business keluarga (family business) ataupun pengilangan itu hanya untuk segolongan masyarakat sahaja, saya berharap Kementerian dapat memberi satu ketegasan kepada mereka supaya denda yang dikenakan yang tersebut di sini yang berdalih-dalih melambat-lambatkan untuk membuat laporan dan sebagainya, misalnya Seksyen 15A:

“15A. Seseorang yang tidak mematuhi atau menguatkuasakan perintah yang dibuat di bawah seksyen 13 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit”

Kalau saya tengok daripada modal pemegang saham \$250 ribu dan syarikat itu sudah established begini lama, kepada mereka denda itu tidak jadi benda. Kalau saya, saya minta supaya dendanya itu di lebihkan. Ketatkan lagi bukan \$1,000 bukan \$2,000. Pengilang-pengilang yang semacam ini patut didenda lebih daripada \$10,000. Chicken-feed \$1,000-\$2,000 kepada pengilang-pengilang yang sebegini besar dan mereka akan memberi berapa banyak dalih tidak mahu bumiputra menyertainya.

Saya berharap kepada Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengambil berat perkara ini dan saya akan mengikut perkembangan ICA ini. Walaupun saya tidak mempunyai satu kepentingan dalam kilang, saya tidak mempunyai satu factory ataupun satu business, tetapi demi kepentingan bumiputra saya akan mengikut ICA ini dan jika ianya tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin setelah kita bersetuju di dalam Dewan ini, kita akan mencari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberi jawapan, setiap kali kita bersidang. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan begitu taat kepada Kerajaan, sayang kepada rakyat negara ini dan beliau akan melaksanakan

ICA ini dengan kebijaksanaannya dan dengan nasihat-nasihat yang dapat kami berikan di dalam Dewan ini. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5.51 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang tetapi sebelum saya berikan sokongan kepada Akta ini, saya hendak beritahu apa yang mustahak. Saya menyokong Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1975.

Saya ingin mendesak kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu ahli-ahli yang dilantik dalam Majlis Penasihat Perindustrian hendaklah terdiri dari mereka yang mempunyai pengalaman dan juga mereka yang boleh memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 11 (2) memberikan kepada kita iaitu wakil-wakil dari pandangan Kerajaan. Saya harap lebih banyak ahli dari pihak swasta dilantik ke Majlis Penasihat Perindustrian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 pindaan kepada seksyen 13 dan seksyen kecil (ii) berkaitan dengan seksyen ini oleh kerana keputusan Menteri adalah keputusan penyelesaian (arbitrary decision). Saya berharap beliau mengambil berat tentang yang mana perlu sebelum beliau membuat perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan beliau mungkin *ultra vires* atau mungkin mengenai peranan natural justice walaupun keputusan beliau itu tidak akan disokong di dalam mana-mana mahkamah, kuasa yang diberikan adalah kuasa penyelesaian di pihak Yang Berhormat Menteri dan saya ingin mendesak beliau supaya pembicaraan dijalankan dengan berhati-hati.

5.55 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyokong di atas Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1975.

Sebentar tadi kita telah mendengar ucapan dan pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat yang lebih dahulu

daripada saya, dan di sini saya ingin mengambil bahagian iaitu berhubung dengan Akta ini ada sangkut-pautnya dengan Dasar Ekonomi Baru. Dalam Dasar Ekonomi Baru saya ingin menyentuh penyertaan bumiputra sama ada penyertaan itu secara kongsi dan juga penyertaan bumiputra di dalam pekerjaan.

Di sini saya hendak menyentuh tentang pekerjaan iaitu pengambilan eksekutif-eksekutif bumiputra di dalam perindustrian-perindustrian ataupun gudang-gudang ini yang mana selalu kita dengar rungutan-rungutan dari bumiputra sendiri yang mana pengilang-pengilang itu mengambil bumiputra hanya sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Ini sering didengari dan perkara ini juga timbul baru-baru ini di dalam Perhimpunan Agong UMNO mengenai penyertaan bumiputra. Umpamanya, satu-satu kompeni yang telah Kerajaan memberi lesen kepada mereka dan memberi syarat-syarat kepada mereka tetapi syarat-syarat itu banyak tidak diikuti oleh mereka atau pengilang-pengilang itu. Umpamanya, penyertaan bumiputra ditingkat eksekutif, mereka ini kadangkala hanya digunakan sahaja sebagai patung kepada bumiputra, hanya mereka ini mencari jalan supaya bumiputra yang telah diberi kerja itu agar mereka ini lari daripada bekerja dan akan diganti dengan bukan bumiputra. Inilah yang selalu diamalkan oleh pengilang-pengilang ataupun gudang-gudang, industri-industri yang besar bukan di Kuala Lumpur sahaja tetapi di seluruh Malaysia.

Mengenai gaji dibeza-bezakan antara satu dengan lain, umpamanya, gaji bumiputra kurang daripada bukan bumiputra, kalau dibandingkan pekerjaan sama dibuat kerja, masa sama, time makan atau time minum sama, tetapi gaji kurang daripada bukan bumiputra. Dan ada pula pengilang-pengilang yang banyak sebagai cendawan tumbuh di Petaling Jaya dan juga di kedai-kedai yang dibuat secara kecil-kecilan mereka ini juga memberi gaji yang begitu murah iaitu \$2.80 hingga \$3.50 sehari, mula daripada pukul 7.30 atau 8.00 pagi hingga pukul 5.00 petang dan tidak ada imbuhan yang lain diberikan. Dengan keadaan gaji ini buat masa ini keadaan pendapatan kita pada hari ini \$2.80 atau \$3.50 apa yang dapat hendak dibeli, alangkan beras segantang tidak boleh dibeli. Saya rasa perkara ini patut Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tahu

atas keadaan penderitaan khasnya penderitaan ini terletak kepada bumiputra dan juga kepada orang-orang kampung atau budak-budak kampung yang lepas sekolah datang ke bandar-bandar mencari kerja dengan pendapatan yang begitu kecil.

Di samping itu saya selalu mendapat pengaduan daripada pekerja-pekerja bumiputra ini, mereka ini diambil bekerja umpamanya pada bulan Januari hinggalan bulan Jun, mereka ini diambil bekerja hanya secara sementara ataupun temporary dan percubaan, selepas ini pengilang-pengilang ini mencari jalan pula supaya orang ini diberhentikan, selalunya pada akhir-akhir tahun dalam bulan November mereka ini diberhentikan kononnya kilang atau perusahaannya telah rugi. Mereka ini diberhentikan dengan tidak ada apa-apa bayaran, kadangkala dalam masa 24 jam diberhentikan, ada yang menangis hendak balik kampung tidak ada duit. Ini telah terjadi dan mereka ini kononnya atau pengilang-pengilang ini mengatakan rugi, tetapi setelah 2-3 hari selepas orang yang baru dibuang kerja ada orang yang datang hendak menggantikan tempat mereka yang dibuang kerja tadi. Alasan mereka ini ialah kerana akhir-akhir tahun mereka ini akan memberi bonos, jikalau sekiranya sudah dikeluarkan pada bulan November bonos itu tidak diberi kepada orang itu. Itu cara yang dibuat oleh gudang-gudang atau kilang-kilang yang ada pada hari ini yang saya dapat tahu daripada pekerja-pekerja khasnya bumiputra.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan kepada Menteri yang berkenaan bahawa apa yang saya katakan tadi perkara ini adalah benar. Jikalau sekiranya hendakkan perkara ini dengan detail saya boleh memberikan perkara-perkara ini tetapi tidak usahlah saya cakapkan nama, umpamanya, Syarikat Dunlop ada di tangan saya ini masalah-masalah itu.

Oleh itu bagi memendekkan ucapan saya ini, yang lain telahpun diucapkan oleh rakan-rakan saya yang terlebih dahulu, dengan ini saya dengan sukacita juga menyokong di atas Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975.

6.11 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini.

Saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian ini setengah-setengah pekilang tidaklah begitu berani menjalankan penyelewengan kerana apa yang saya dapati setengah-setengah kilang telah menjalankan penyelewengan dengan terang-terang terutama tentang laporan palsu kepada pihak-pihak yang berkenaan mengenai penyata atau maklumat-maklumat mengenai aktiviti kilang ini. Saya berharap apakala tubuhnya Majlis Penasihat Perindustrian ini menjalankan penyiasatan setiap laporan atau penyata yang dikemukakan mengenai kilang ini. Bila didapati ada berlaku penyelewengan maka hendaklah dikenakan tindakan yang berat supaya menjadi contoh atau tauladan kepada kilang-kilang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 11, Seksyen 17 yang bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Pelesen untuk mengkompaun ataupun mendenda kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pengkilang. Saya mengalu-alukan di atas pindaan ini tetapi pihak yang berkenaan hendaklah sentiasa mengawasi supaya setiap pegawai itu tidak menyalahgunakan kuasanya dan mengambil kesempatan untuk melakukan rasuah kerana kalaulah rasuah boleh berlaku maka undang-undang apapun yang telah dibuat tidak akan dapat dijalankan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelewengan berlaku rasa saya bukanlah sahaja kepada pengambilan pekerja ataupun tentang kenaikan gaji dan sebagainya tetapi juga terhadap pengeluaran barang-barang kilang seperti barang-barang makanan dan minuman di dalam tin kerana kita dapati apa yang ditulis di luar tin dalam makanan itu tidak sama dengan apa yang ada di dalamnya.

Begitu juga mengenai buku-buku tulis dan kertas, walaupun barang ini kecil rasa saya sepatutnya kalau ditulis di luar 500 helai buku itu tetapi di dalamnya tak sampai, 450-460 helai sahaja. Ini adalah satu penipuan yang berlaku secara halus yang rasa saya tidak disedari oleh pihak yang berkenaan. Rasa saya tidak ada pegawai penyiasat hendak bilang kertas buku itu rasa saya tetapi bagi murid-murid sekolah tahu, dia bilang-bilang tidak cukup sebagaimana yang dibuat dan supaya perkara ini tidak berlaku berterusan saya harap pegawai-pegawai penguatkuasa hendaklah menjalankan penyiasatan yang benar-benar supaya berkesan.

Begitu juga mengenai makanan dan minuman dalam kotak ataupun juga dalam tin patut Kerajaan membuat satu peraturan, setiap makanan dan minuman yang tersebut hendaklah menghadkan tempoh makanan dan minuman itu boleh digunakan, ini untuk mengelakkan daripada penyakit-penyakit kepada orang-orang yang menggunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian ini.

6.24 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas suatu Akta untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975.

Saya berasa lapang hati mendengarkan alasan-alasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang dikehendaki dalam Akta ini.

Sebelum daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar banyak pandangan-pandangan, hujah-hujah yang datangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada rakan sejawat saya. Walau bagaimanapun, oleh sebab Akta ini satu Akta yang penting untuk negara kita dan di sini juga satu pembangunan ekonomi negara kita, maka dengan ini saya turut sama memberikan pandangan-pandangan dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama sekali, saya mengharapkan ketegasan yang ada pada Kementerian ini hendaklah diteruskan atas apa yang telah dibuat sekarang bahawa kita jangan lalai, kita jangan lupa tanggungjawab yang telah diletakkan oleh negara kepada Kementerian ini berhubung dengan perkilangan dan perindustrian dalam negeri ini. Walaupun Rang Undang-undang ini kita sudah pinda dua kali tetapi pada tradisi rakyat Malaysia memang sesuai sangatlah kita mengadakan perundingan dan mana-mana yang tak betul patut ditokok tambah. Saya kira kita kena memelihara dan menjaga bukan sahaja tajuk-tajuk atau peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang asal, kita kena memelihara dan menjaga siapa juga yang hendak menjalankan perusahaan perindustrian dalam negeri ini sama ada rakyat negeri ini ataupun pelabur-pelabur asing. Dengan sebab itu Kerajaan

dari semasa ke semasa membawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk pindaan-pindaan yang tertentu.

Saya mengharapkan sebagaimana cabaran saya kepada Kementerian ini tadi walau pindaan ini hendak datang sudah dua kali dan berapa kali lagi jangan hendaknya mencabul, menggugat matlamat Dasar Ekonomi Baru kita. Ini ketegasan yang saya minta. Walau beberapa kali pindaan dibawa tetapi itulah saya katakan, jangan mengganggu, mencabul, menggugat matlamat Dasar Ekonomi Baru kita dalam perindustrian dan perkilangan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita hendak melaksanakan Rang Undang-undang ini telah dapat tentangan daripada dalam dan luar negeri sama ada berupa besar atau kecil melalui sebaran, melalui sabotaj dan lain-lain angkara yang didatangkan oleh orang-orang yang tidak suka Rang Undang-undang ini dilaksanakan. Tetapi alhamdulillah, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana Kerajaan tidak berganjak walau bagaimana dakyah, walau bagaimanapun propaganda yang datang sama ada dalam atau luar negeri. Kerajaan masih terus tetap dengan dasar ini sebab kita mahu Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian kita beralah Malaysia. Biar apa peduli perindustrian di Amerika, di England, di Jepun, walau di mana tetapi kita mahu perindustrian kita yang beralah Malaysia. Dengan keadaan ini walaupun pada peringkat awal pelabur-pelabur asing itu sangsi, was-was atas kedudukan pelancaran perkilangan dalam negeri kita itu tetapi dengan berkat ketegasan kita, dengan berkat kerjasama daripada Kerajaan setengah-setengah negeri yang menyakinkan Dasar Ekonomi Baru kita ini dari semasa ke semasa maka akan bertambah pelaburan itu sebagaimana telah difitnahkan oleh setengah-setengah golongan bahawa perindustrian di Malaysia ini adalah memberikan dengan secara tak langsung hak sahamnya kepada bumiputra 30% yang ada dalam peruntukan di mana juga industri yang hendak menanam modal dalam negeri.

Siapa juga tidak ragu dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, siapa juga pelabur yang besar-besar atau kecil tentulah ragu, tetapi telah kita terangkan kepada mereka hakikat yang sebenar kehendak bumiputra supaya berada dalam industri ini, mereka menerima dengan senang hati dan dengan itu mereka

tahu bahawa sekiranya tidak ada bumiputra dalam bidang industri ini sebagaimana yang dikehendaki dalam peruntukan Rang Undang-undang ini mereka mengetahui perkilangannya di dalam negeri ini akan tergugat, tidak akan berjalan dengan begitu baik. Ini satu keyakinan, bukan satu ugutan tetapi satu keyakinan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga masih ragu banyak rombongan-rombongan, deligasi-deligasi Kementerian ini yang diketahui oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Timbalannya ke luar negeri dengan tujuan mengajak, memupuk pelabur-pelabur asing supaya menanam modal dalam negeri ini, tetapi saya kurang nampak—kalau saya salah Yang Berhormat Menteri boleh betulkan—kurang nampak rombongan ini yang pergi ke negeri-negeri kawasan Arab supaya mengajak orang-orang Arab itu yang kaya dengan hasil minyak, yang kaya dengan kewangannya supaya melabur lebih banyak, menanam modal di dalam negeri ini dan negara Arab itu juga boleh mengambil bahan-bahan mentah yang sedia baik mutunya untuk digunakan kepada mereka. Kerajaan lebih mengutamakan pergi ke Amerika, pergi ke Eropah, pergi ke Jepun.

Pada petang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kalau tidak salah ingatan saya, Tuan Yang di-Pertua, berada di Korea Selatan dan mungkin di Korea Utara di antara satu daripada tujuannya berhubung dengan industri. Saya menyebutkan ini mungkin Yang Berhormat Menteri kita hendak mengambil pelabur asing menanam modal dalam negeri ini atas faktor tenaga teknik dan pasaran. Mungkin juga dengan kita berbaik dengan Amerika, dengan dunia Barat kita akan dapat pasaran yang baik, dapat ahli-ahli teknik yang baik, itu betul satu sebab tetapi kita jangan lupa bahawa di negara Arab ini mempunyai modal yang banyak mempunyai wang yang banyak. Kalau kita menaruh keyakinan kepada mereka tentu bukan sahaja Kerajaannya, mungkin saudagar-saudagar daripada negeri Arab ada perhubungan pertalian kebudayaan.

Baru-baru ini rombongan kita telah melawat ke negeri Republik Rakyat China Komunis yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di antara satu perkara yang dibincang dan dibahas serta dirundingkan berhubung dengan perdagangan dan perindustrian. Rakyat ingin

tahu setakat mana kemajuan yang diperolehi daripada rundingan itu yang memberi keuntungan kepada negara Malaysia, bukan rundingan yang kita buat menguntungkan negara China, kita mahu imbangan. Dalam masalah macam ini kita mahu imbangan dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan persetujuan yang dapat dibuat dengan Kerajaan Republik Rakyat China bahawa kita akan melantik PERNAS sebagai wakil agensi barang-barang keluaran daripada negeri tersebut kepada PERNAS.

Saya ucapkan tahniah, ini satu usaha yang sangat baik tetapi Yang Berhormat Menteri kena ingat, Yang Berhormat Menteri akan kena timbal balas daripada ahli-ahli perdagangan lama yang telah berdagang dengan negeri mereka, kalau timbal balas ini didatangkan maka usaha yang kita hendak buat mengangkat PERNAS sebagai wakil tunggalnya tidak akan berjaya, tidak berdaya, kalau tidak berdaya maka yang mendapat keuntungan itu bukanlah Kerajaan kita, bukan PERNAS.

Saya ini tidak mahir dalam bidang perindustrian, perniagaan ini, saya bercakap ini atas pandangan sepintas lalu sebagai rakyat biasa. Kita tidak mahu perkara ini diulang-ulang. Kita telah bersaing berkawan dengan sebuah Kerajaan yang besar di Tenggara Asia dan mengaku hendak membeli barang yang seberapa banyak kepada kita dan kita juga akan membeli seberapa banyak kepada dia. Tetapi malangnya barang-barang ini tidak dapat disalurkan melalui agensi yang kita tentukan, akan mengalir melimpah kepada peniaga-peniaga dengan cara subversif. Kalau saya katakan perkara ini juga Kerajaan akan menghadapi macam-macam masalah, itu saya tidak dapat pastikan sebab ini atas kebijaksanaan Menteri yang berkenaan.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah Kerajaan besar ini berniaga dengan kita dalam satu bidang kecil sahaja, rakyat Komunis China ada seribu juta kalau tidak salah ingatan saya, kalau Kerajaan negeri itu melalui perniagaan negeri itu mahu membeli kasut getahnya sahaja daripada keluaran Malaysia ini, satu jujuk perniagaan yang boleh menguntungkan dua negara, negeri sana boleh berniaga kasut getah, kita boleh proses getah kita dengan banyak, jualkan kasut ke luar negeri, selain daripada kelapa sawit, selain daripada perkara-perkara bahan utama yang dipentingkan oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ada saya rujukan perbahasan saya ini dalam peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini tidak usah saya sebutkan polisinya lagi, telanjur saya teringat Tuan Yang di-Pertua, dalam hal polisi ini juga hendak menarik pelabur luar negeri ke dalam negeri ini menurut pandangan rakyat negeri ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melawat ke Russia. Bila melawat di sana atas undangan Kerajaan sana kita dapat satu penghormatan sebuah Kerajaan yang kecil menghargai sangat Kerajaan Malaysia ini. Rakyatnya 11 juta, kita hargai kuasa-kuasa besar mengundang kita datang, bermuhabbah dengan kita, bertukar-tukar fikiran dengan kita dalam bidang politik dan ekonomi.

Dalam bidang ekonomi ini saya mengharapkan rombongan ini akan menimbangkan juga dalam perkara perindustrian dan perkilangan ini. Kalau kita boleh dapat mengambil bahan-bahan ataupun ahli-ahli teknologi daripada negara tersebut atau bahan-bahan kilang daripada negeri tersebut dengan harga yang murah, maka akan beruntunglah kita kepada mereka. Saya tidak tahu Yang Berhormat Tun sampai setakat ini kita ada atau tidak perjanjian perdagangan dan perusahaan dengan negara tersebut. Kalau tidak ada cuba kita usahakan supaya dapat disamai, kalau dengan Amerika kita boleh buat, dengan Jepun kita boleh buat, dengan China Komunis kita boleh buat, kenapa tidak boleh dengan dia dari segi perniagaan, perusahaan dan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini saya rujukan iaitu telah mengadakan satu peruntukan bagi mewujudkan Majlis Penasihat Perindustrian. Saya sentuh dalam pemilihan Pengerusinya:

“Perdana Menteri boleh melantik mana-mana pegawai awam untuk menjadi pegawai pelesen bagi maksud-maksud Akta ini dan apa-apa perlantikan itu yang dibuat sebelum berkuatkuasanya seksyen ini hendaklah, apabila berkuatkuasa, disifatkan telah dibuat di bawah seksyen ini”.

Saya hendak bahaskan mengapa melantik ini diangkat kepada Perdana Menteri, tidakkah Menteri Perdagangan dan Perindustrian boleh diberikan kuasa kepada perlantikan pegawai-pegawai ini dan dengan keadaan ini secukupnya dengan perkara ini ada dalam bidang Kementerian ini. Saya

kurang arif sebab Rang Undang-undang ini menentukan perlantikan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ini juga Fasal 7 Akta Ibu dalam anggota-anggota atau ahli Jawatankuasa Majlis Penasihat ini kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan 7 orang daripada pegawai-pegawai Kementerian ini, 7 orang daripada perkilangan dan perindustrian termasuk dua orang wakil bebas daripada Sabah dan Sarawak Wakil bebas ini mengikut budibicara Menteri, tidak lebih daripada 2 orang ahli lain. Saya hormati peruntukan ini dibuat dan Yang Berhormat Menteri akan menggunakan budibicaranya yang begitu bijak mengangkat dua orang yang betul-betul bebas. Jangan dua orang yang dikatakan bebas ini cenderung kepada pihak pengilang atau mereka cenderung kepada pihak Kerajaan, kita mahu pendirian mereka betul-betul bebas. Kalau boleh, apa salahnya wakil bebas ini kita ambil wakil kesatuan sekerja didudukkan di dalam Majlis ini sebab ada kaitan antara kesatuan sekerja dengan pengilang-pengilang dan perindustrian dalam negeri ini. Malahan pula kesatuan sekerja ini mempunyai tanggungjawab yang penuh dalam pembangunan negara. Saya harap Yang Berhormat dapat memikirkan pandangan saya yang cetek ini.

Dalam memilih wakil-wakil ini tadi juga telah dikatakan oleh rakan sejawat saya, jangan ada wakil-wakil daripada Kerajaan sebagaimana disebutkan 7 orang itu, wakil itu juga mempunyai mirip kepada perindustrian sebab industri ini duit, industri ini dapat untung. Kalau dia mempunyai mirip, mempunyai semangat kepada perindustrian tidak bersemangat kepada Kerajaan, waktu kita membahaskan sesuatu perkara yang dikemukakan oleh industri maka keputusan itu akan berat sebelahlah kepada industri. Tatkala itu Menteri akan mengikut nasihat Majlis Penasihat ini, Majlis Penasihat berkehendakkan kepada Menteri, Menteri kena ikut. Dengan sebab itulah saya sekali lagi dengan rakan-rakan saya yang lain supaya Kerajaan mengawasi dari satu masa ke satu masa pergerakan Jawatankuasa ini. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begitu sebab selama ini rakyat banyak memandang bahawa Kerajaan banyak menyebelah kepada industri, tidak menyebelah kepada kesakitan,

kesusahan rakyat. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, itu rakyat memandang bukan saya.

Umpamanya saya misalkan, dalam masalah Kementerian menentukan harga minyak diesel dan minyak tanah, kata Kerajaan saya naikkan minyak petrol itu 2 sen, begitu juga minyak tanah dinaikkan. Tetapi industri membantah, dia tidak bersetuju dengan kenaikan yang begitu dia mahu kenaikan yang lebih tinggi. Timbal balasnya maka pihak syarikat-syarikat kilang minyak di tanahair kita ini mengurangkan pengeluaran walau berapa kali Kementerian ini memberi amaran minta laporan sebab kurang. Saya katakan begitu sebab kuasa daripada kumpulan perkilangan ini ada lebih kuat daripada kuasa yang ada pada Kementerian. Di hantar juga minyak diesel, hantar juga minyak tanah tetapi kurang. Kekurangan ini bukan melibatkan Kerajaan sahaja, melibatkan rakyat. Pernah kita dengar bahawa di satu-satu kawasan dengan sebab tidak ada minyak diesel ini buah-buahan di Perak itu tidak boleh diangkut sebab lori tidak boleh beli minyak diesel. Begitu juga banyak ikan yang tidak boleh dipunggah ke selatan dengan sebab lori itu tidak dapat minyak diesel.

Begitu juga saya dengar ada kenderaan-kenderaan Kerajaan tidak dapat minyak diesel seperti ambulan hendak membawa orang sakit daripada satu hospital ke satu hospital tidak ada minyak diesel, pesakit itu malangnya maut. Kerjadian ini pada saat sekarang Kerajaan kena fikir supaya menimbang semula, jangan Kerajaan berpegang kepada prinsip Kerajaan sahaja, kita mesti memikirkan juga kepada perkilangan syarikat-syarikat ini dan juga rakyat. Tadinya satu ketika minyak diesel ini tidak ada, tidak diberi dengan cukup, keretapi kita juga tidak berjalan. Kita takut keadaan ini lumpuh sedangkan sebuah negara jiran kita, di Singapura minyak dieselnnya sudah naik, di Thailand minyak dieselnnya sudah naik, orang-orang perniagaan ini dapat minyak diesel itu diseludupkan ke negara jiran. Tatkala itu kegunaan rakyat daripada minyak ini walaupun kata syarikat boleh cukup tetapi pada akhirnya oleh sebab dua buah negara telah menaikkan harga minyak, minyak yang diberi oleh syarikat itu telah diseludupkan. Kita mesti mempertimbangkan dalam masalah minyak ini dari segi

minyak antarabangsa. Kalau minyak antarabangsa naik, kita fikirkan juga. Saya bukan hendak membela syarikat-syarikat minyak ini, saya hendak membela rakyat yang ada kaitan hidupnya dengan minyak.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, pam-pam minyak yang telah dapat bekalan minyak itu disorokkan, dikeluarkan minyak itu dengan banyak waktu malam, disorokkan di satu kawasan oleh sindikitnya dijual dengan harga \$1.80. Bukan sahaja pengilang sanggup membeli \$1.80 orang ramai juga kalau berjumpa minyak dengan harga yang macam itu kita beli. Jadi, bidang kuatkuasa Kementerian ini juga kurang cergas menyerkap, menangkap penyorok-penyorok minyak tanah, minyak diesel yang dibuat oleh setengah-setengah pam minyak dalam tanah-air kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya katakan bahawa Kerajaan kena menimbangkan, memikirkkan, mengkaji semula bahawa harga minyak diesel dan minyak tanah di tanahair kita ini patut dengan adanya badan penasihat ini kita berunding semula dapatkan satu pandangan daripada wakil-wakil kilang ini sesuai dan munasabah dan kita tengok pula keadaannya negara jiran kita, kalau dia menaikkan kita kena naikan juga. Kalau tidak kita juga kenakan sekatan, dapat minyak yang cukup dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak menyambung ucapan Yang Berhormat bolehlah disambung pada hari esok.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pendatang-pendatang Haram Vietnam

6.30 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, pemberita-pemberita asing telah membuat laporan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad telah mengumumkan satu keputusan untuk menembak pendatang-pendatang haram Vietnam yang memasuki perairan Malaysia. Di samping itu kita juga akan mengusir kesemua 70,000 orang pendatang-pendatang haram yang berada di beberapa kawasan penempatan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah diputarbelitkan ini telah mengakibatkan kebimbangan Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu, Dr Kurt Waldheim dan Dewan Senate Amerika Syarikat yang ingin mendapatkan satu penyelesaian daripada Kerajaan kita. Dalam perutusan telegram Dr Kurt Waldheim kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah meminta penjelasan sama ada benar ataupun tidak sepertimana yang dilaporkan bahawa Kerajaan Malaysia akan mengusir keluar kesemua 70,000 orang pendatang-pendatang haram yang berada di Malaysia. Di samping itu beliau juga merayu supaya Kerajaan Malaysia akan memberi perlindungan sementara menunggu usaha-usaha antarabangsa untuk menempatkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai menjawab penjelasan yang diminta oleh Dr Kurt Waldheim telah menjelaskan seperti berikut:

- (1) Kerajaan kita tidak menembak pendatang-pendatang haram.
- (2) Kita tidak boleh lagi membenarkan memasuki pendatang-pendatang haram.
- (3) Sebarang boat yang cuba masuk atau mendarat akan ditunda keluar dan diberi bantuan untuk meneruskan perjalanan mereka. Mereka yang berada di pusat-pusat penempatan akan diberi perlindungan sementara menunggu negara-negara ketiga untuk menerima mereka.

- (4) Sekiranya mereka ini tidak diberi jaminan oleh negara-negara ketiga untuk menerima mereka, negara kita juga tidak sanggup untuk memikul beban ini.
- (5) Merayu kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu supaya menggunakan kuasa pejabat beliau bagi mengurangkan pelarian-pelarian dari Vietnam supaya pelarian-pelarian ini tidak memburukkan lagi keadaan di negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini telah jelas sekali memperlihatkan betapa sabarnya sikap Kerajaan kita dalam menghadapi masalah ini dan juga tidak ingin menimbulkan situasi kontroversi dalam masalah ini. Tetapi bagaimanapun kesabaran kita sudah sampai kehadanya. Sekiranya kita masih berperikemanusiaan menerima sahaja pendatang-pendatang haram tanpa jaminan dari negara-negara ketiga untuk menerima mereka maka ini akan menjadikan negara kita sebagai sebuah pusat penempatan pendatang-pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut hak asasi manusia, masalah pendatang-pendatang haram Vietnam bukan ditimbulkan oleh mereka sendiri, pendatang-pendatang haram, tetapi adalah kerana kezaliman Kerajaan Vietnam. Mereka adalah mangsa-mangsa politik dan ekonomi Kerajaan Vietnam. patut bertanggungjawab atas segala-galanya. Ada seorang Perdana Menteri negara tetangga kita telah mengatakan pendatang-pendatang haram ini adalah hasil dari tindakan politik yang tidak berperikemanusiaan, zalim dan tidak bertanggungjawab. Beliau telah merayu kepada negara-negara Barat supaya mengambil tindakan tegas menghentikan kejadian-kejadian pelarian ini. Pendatang-pendatang haram yang dihalau keluar dari negara asal mereka ini telah menimbulkan masalah-masalah ke atas struktur ekonomi dan sosial negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Kanada dan pihak akhbar-akhbar Great Britain telah merayu kepada Russia dan antarabangsa supaya mengutuk kezaliman Vietnam. Republik Rakyat China telah mengutuk Vietnam sebagai telah menimbulkan bencana antarabangsa yang akibatnya kematian

manusia secara beramai-ramai. Negara tersebut telah menyatakan bahawa semua negara mesti bertindak untuk menghalang Vietnam untuk meneruskan lagi kezaliman yang tidak langsung berperikemanusiaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat dan Russia telah mengadakan satu rundingan di Vienna di mana pemimpin Amerika Syarikat telah menyatakan sikap d'ingin dari dunia terhadap pendatang-pendatang haram Eropah pada tahun 1930 yang tidak patut lagi berlaku dalam tahun 1970an di Asia. Beliau seterusnya menambah, negara-negara maju patut membuat pilihan sebaik-baiknya antara satu sama lain atau berperang.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa Kerajaan Vietnam tidak cuba memulihkan kehidupan rakyat? Kenapakah ia tidak menghalang rakyat-rakyat lari keluar? Jawapannya ialah kerana ia memberi kebebasan kepada rakyat. Ini adalah jawapan yang sedap didengar tetapi pada hakikatnya, sebenarnya ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang tidak mepedulikan mati atau hidup rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai masalah pendatang-pendatang haram negara kita Malaysia, Thailand dan Indonesia mempunyai satu pendirian yang sama. Kita sedar bahawa bilangan pendatang-pendatang haram telah melebihi kemampuan kita, maka dengan itu kita tidak dapat lagi menerima kemasukan mereka. Tindakan-tindakan tegas yang akan diambil termasuk membuat rondaan-rondaan di laut bagi menghalang kemasukan mereka ke perairan kita. Pada pendapat negara maju sekiranya negara-negara Asia Tenggara tidak menerima pendatang-pendatang haram ke manakah mereka akan pergi. Tetapi pada negara-negara di rantau ini sekiranya negara-negara maju tidak dapat memberi jaminan bahawa kesemua pendatang-pendatang yang berada di sini akan diterima oleh mereka di manakah kemampuan mereka untuk menanggung beban ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sejak tahun 1975 sehingga sekarang sudah ada 117,718 orang pendatang-pendatang haram yang masuk ke negara kita dan yang diterima oleh negara ketiga hanya berjumlah 42,240

orang sahaja. Ini bermakna masih ada seramai 35,530 orang pendatang-pendatang haram di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini sahaja sejak bulan Januari hingga bulan Jun seramai 48,694 orang yang didatangkan tetapi yang meninggalkan negara ini hanya seramai 22,057 orang sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Oh Siew Aun: Lagi sedikit. Saya minta maaf, saya hendak habiskan, sebab saya hendak menyokong Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1975 sehingga tahun 1978, kita telah menggunakan peruntukan sebanyak \$25 juta untuk membiayai perbelanjaan bagi pendatang-pendatang haram. Bagi tahun ini sahaja dari bulan Januari hingga bulan Julai ini sebanyak \$25 juta telah dibelanjakan. Sebelum kita dapat menyelesaikan masalah seramai 30,000 pendatang-pendatang baru ini sudah semestinya akan menimbulkan beberapa masalah bagi negara kita ini.

Pada pendapat saya krisis antarabangsa dan Bangsa-bangsa Bersatu dalam masalah ini patut ditujukan kepada Vietnam yang memperjudikan serta memperniagakan rakyat sendiri. Kita masih menuju kepada punca masalah kalau kita tidak memberhentikan perbuatan-perbuatan Vietnam yang tidak berperikemanusiaan dan bertanggungjawab, bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah pendatang-pendatang haram ini.

Korban-korban yang telah didatangkan oleh kita dan Asia sudah melebihi hadnya. Sekarang tibalah masa untuk kita pula melihat bagaimana Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara maju akan bertindak selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan yang bertimbangrasi, yang berperikemanusiaan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn.

6.42 *ptg.*

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tadi yang

telahpun berucap menyokong dan menerima baik di atas sikap Kerajaan dalam perkara pendatang haram Vietnam ini.

Sukalah saya menegaskan lagi di sini adalah menjadi dasar Kerajaan kita sekarang tidak menerima lagi kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ini. Bot-bot pendatang haram Vietnam yang cuba memasuki perairan kita atau cuba mendarat akan diusir keluar. Sekiranya bot-bot mereka didapati rosak, kita berusaha memperbaikinya dan apabila siap, mereka akan ditarik keluar dan diberi bekalan yang mencukupi untuk meneruskan perjalanannya.

Kerajaan tidak berupaya lagi untuk menempatkan mereka di negara ini kerana setakat ini bilangan pendatang haram Vietnam yang ada berjumlah seramai 73,217 orang dan jika kebanjiran pendatang haram ini berterusan, maka masalah-masalah sosial, ekonomi dan juga keselamatan negara akan lebih terjejas lagi.

Dalam bulan Jun yang lepas kita telah berjaya mengusir seramai 14,000 orang berbanding dengan jumlah yang diusir dalam tempoh dari bulan Januari hingga sekarang iaitu seramai 44,458 orang. Sekiranya kita tidak menjalankan dasar menyekat kemasukan mereka ini bererti di negara ini jumlah pendatang haram yang ada sekarang ialah berjumlah lebih kurang 118,000 orang. Langkah dan tindakan kita menyekat kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ini tidak sekali-kali termasuk menembak mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan masih terus memberi tempat tinggal sementara kepada pendatang-pendatang haram Vietnam yang telah sedia ada di kem-kem negara ini sementara menunggu negara-negara ketiga mengambil mereka. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Dewan ini pada 13hb Julai yang baru ini di mana negara-negara ketiga telah memberi akuan dan jaminan masing-masing bahawa sehingga menjelang hujung tahun ini seramai lebih kurang 70,505 orang akan dipindahkan dari negara ini. Tetapi sehingga ini hanya sejumlah 24,000 orang sahaja telah dipindahkan.

Cara pengambilan yang dilakukan oleh negara-negara ketiga tersebut adalah juga tidak memuaskan kerana mereka memilih

pendatang-pendatang haram Vietnam itu mengikut beberapa kategori-kategori tertentu sahaja atau mengikut kehendak peraturan-peraturan negara masing-masing. Peraturan pemilihan yang ketat itu tidak akan menolong mengatasi perkara pemindahan pendatang-pendatang haram tersebut sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh mereka untuk menjamin hak asasi kemanusiaan yang mana sepatutnya tidak mengasaskan cara pengambilan itu kepada faktor-faktor kesesuaian seperti profession, mengetahui bahasa negara tersebut dan sebagainya.

Kita telah meminta negara-negara ketiga yang berkenaan terutama sekali Amerika Syarikat untuk mempertingkatkan lagi jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam dipindahkan ke negara masing-masing dan sekiranya akuan-akuan yang diberi oleh negara-negara ketiga itu ditepati sejumlah lebih kurang 46,000 orang lagi dijangka meninggalkan negara ini pada penghujung tahun dan sekiranya kita terus berjaya dapat menyekat kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam dari memasuki perairan kita, maka dianggarkan baki jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini sehingga hujung tahun ini ialah akan jadi lebih kurang 35,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita telah juga meminta pihak Bangsa-bangsa Bersatu menghubungi Kerajaan-kerajaan tertentu di dunia bagi mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam ini dan juga meminta pertubuhan tersebut supaya menggesa Kerajaan Vietnam sendiri iaitu negara punca

masalah bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah dan dengan mengambil langkah-langkah teratur dan serta-merta di negara Vietnam itu sendiri bagi menyekat pengaliran keluar rakyatnya supaya tidak terus menambatkan beban dan kesusahan negara ini.

Pihak Kerajaan tidaklah akan mengubah dasarnya yang ada sekarang ke atas pendatang-pendatang haram Vietnam kerana dengan dasar yang ada ini sekurang-kurangnya kita dapat menyekat kemasukan yang berterusan dan dalam masa yang sama dapat kita mengalirkan keluar pendatang-pendatang haram Vietnam yang ada di negeri ini ke negara-negara ketiga yang mana lama kelamaan diharapkan jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini akan berkurangan dan dengan itu kita tidak akan berterusan dibebani dengan masalah-masalah pendatang-pendatang haram tersebut.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 17 Julai, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.